

LAPORAN TAHUNAN



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2014

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LAPORAN TAHUNAN



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2014

U N I V E R S I T I T E K N I K A L M A L A Y S I A M E L A K A

KANDUNGAN

	MS.
1.0 Maklumat Korporat	4
1.1 Sejarah Penubuhan	4
1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif	6
1.3 Matlamat Pendidikan	6
1.4 Piagam Pelanggan	7
1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020	7
1.6 Data Ringkas	8
2.0 Latar Belakang	11
2.1 Canselor	12.13
2.2 Pro Canselor	14
2.3 Lembaga Pengarah	15.16
2.4 Pengurusan Universiti	17
2.5 Senat Universiti	18
2.6 Jawatankuasa Audit Dalam	19.20
2.7 Aluan Lembaga Pengarah	21
2.8 Struktur Organisasi	25
3.0 Laporan Naib Canselor	30
4.0 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA)	42
5.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	58
6.0 Pengantarabangsaan	70
7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan	84
8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	98
9.0 Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	102
10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	112
11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	128
12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerksaan Alumni	134
13.0 Pengurusan Bakat	158
14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan	158



**Sentiasa
Merintis,
Sentiasa
Menerajui**

1.0 MAKLUMAT KORPORAT

Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai *World Heritage Site*. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas Penubuhan UTeM adalah berpandukan model 'Fachhochschule' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan empat buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia, selaras dengan tagline UTeM iaitu “Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui”.

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Visi, Misi dan Objektif

Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan kesarjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

Objektif

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurang kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai dikalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

Piagam Pelanggan

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Basiswa Kementerian
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang
- iv. Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima
- v. Tempoh bayaran basiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.
- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu.
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari.
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit.
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut.
- xiii. Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus.
- xiv. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja
- xv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis.
- xvi. Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja
- xvii. Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM

Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti tren globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampungan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.

UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penajajaran set minda yang seterusnya diperkukuhkan melalui pecambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini dipacu oleh enam tema strategik utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih berdasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam tema tersebut adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti & Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi dan misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP) :
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan :
**Seksyen 20 Akta Unviersiti dan Kolej Universiti 1971
[P.U.(A) 45/2007]**

Nama,Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
**Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
Naib Canselor**

Alamat
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No.Telefon :
**06-5552000 (Kampus Induk)
06-2833400 (Kampus Bandar)
06-2346898 (Kampus Teknologi)**

No. Faks:
06-3316111
Alamat emel :
vc_utem@utem.edu.my

Laman web:
<http://www.utem.edu.my>

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/ Pusat (luar kampus induk)

i - **Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Bandar
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka, Malaysia

Pusat Pengajaran & Pembelajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Bandar
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka, Malaysia

Penerbit Universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Bandar
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka, Malaysia

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Bandar
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka, Malaysia

ii – **Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

2.0 Latar Belakang

- ▼ Canselor
- ▼ Pro - Canselor
- ▼ Ahli Lembaga Pengarah
- ▼ Pengurusan Tertinggi Univesiti
- ▼ Pegawai Kanan Universiti
- ▼ Senat Universiti
- ▼ Jawatankuasa Audit Dalam 2014
- ▼ Struktur Organisasi

Canselor

**Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri Utama
Mohd Khalil bin Yaakob
Yang di-Pertua Negeri Melaka**



Pro - Canselor

Y.Bhg Tan Sri Datuk
Dr. Johari bin Mat



Pro - Canselor

Y.Bhg. Datuk Wira
Ismail bin Saleh



Lembaga Pengurusan Universiti

YBHG. PROF. DATUK DR.
SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor



YBHG. TAN SRI DATO' IR. DR.
AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN
Pengerusi



YB. DATUK WIRA
HJ. NAIM BIN ABU BAKAR



YBHG. DATUK WIRA
OMAR BIN KASEH



YBRS. PN. KHOLIAH
BINTI ISMAIL



YBRS. EN. OMAR SHARIFF
BIN MYDEEN



YBHG. DATUK DR. HJ.
ABDUL RAMAN BIN
HAJI SAAD



YBRS. DR. ARIS BIN KASAN



YBRS. EN. AZRUL BIN AZIZ



YBHG. DATUK IR. HJ.
BAHARAM BIN MOHD




YBHG. DATO' AMIR
BIN MD NOR



YBHG. DATUK HASAN
BIN SIRUN
Pendaftar /Setiausaha



YBHG. DATO' PROF. DR.
MOHD NOR BIN HUSAIN



YBRS. EN. SHAHID-DIN
BIN MOHD KHATIB



YBRS. PROF. MADYA ISMI
ARIF BIN ISMAIL



YB. SENATOR TUAN ZALI
BIN MAT YASIN



Pengurusan Tertinggi Universiti



YBHG. PROF. DATUK DR.
AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor
16 Jun 2008 - 15 Jun 2014

YBHG. PROF. DATUK DR.
SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor
16 Jun 2014 hingga kini



YBRS. PROF. DR.
MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri & Masyarakat)

YBRS. PROF. MADYA DR.
IZAIDIN BIN ABDUL MAJID
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)



YBHG. PROF. DATO' DR.
MOHD NOR BIN HUSAIN
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

YBRS. PROF. IR. DR. MOHD.
JAILANI BIN MOHD. NOR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



YBHG. DATUK HASAN
BIN SIRUN
Pendaftar

YBRS. ENCIK KHAIRUL
BIN TAIB
Bendahari

YBRS. PUAN HAJAH FARIDAH
BINTI HJ. MD AMIN
Ketua Pustakawan

Pegawai Kanan Universiti



PROF. MADYA DR. MOHD
RIZAL BIN SALLEH
Dekan Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan



ENGR. PROF. MADYA DR.
NOREFFENDY
BIN TAMALDIN
Dekan Fakulti
Kejuruteraan Mekanikal



PROF. MADYA DR.
ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Dekan Fakulti
Kejuruteraan Elektrik



PROF. MADYA DR. ABDUL
RANI BIN OTHMAN
Dekan Fakulti
Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer



PROF. DR. MOHD RAZALI BIN
MUHAMAD
Dekan Pusat Pengajian
Siswazah



PROF. MADYA DR MOHD
KHANAPI BIN ABD GHANI
Dekan Fakulti Teknologi
Maklumat dan Komunikasi



DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN
ABDUL HAMID
Dekan Fakulti Pengurusan
Teknologi dan
Teknousahawan



PROF. MADYA MOHD RAHIMI
BIN YUSOFF
Dekan Fakulti Teknologi
Kejuruteraan



DR. MARIANA BINTI YUSOFF
Dekan Pusat Bahasa dan
Pembangunan Insan

Pegawai Kanan Universiti



ENCIK LAr. ABDUL WAHAB
BIN HARUN
Pegarah Pejabat
Pembangunan



ENCIK MOHD ISA BIN
MOHD DOM
Pegarah Pusat Komputer



PROF. MADYA SHAHDAN BIN
MD LANI
Pegarah Pusat Jaminan
Kualiti dan Akreditasi
23 Feb 2005 - 15 Okt 2014



PROF. DR. MOKHTAR BIN
MOHD YUSOF
Pegarah Pusat Pengurusan
Strategik, Kualiti & Risiko
16 Okt 2014 - hingga kini



PROF. MADYA DR. SYED
NAJMUDDIN BIN SYED
HASSAN
Pegarah Pusat Pengajaran
& Pembelajaran



PUAN RUZIAH BINTI ALI
Pegarah Penerbit Universiti
2 Julai 2012 - 15 Okt 2014



PROF. DR. AHMAD ZAKI BIN
A BAKAR
Pegarah Penerbit Universiti
16 Okt 2014 - hingga kini



DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pegarah Pusat Islam

Ahli Jawatankuasa Audit Dalam tahun 2014



YBRS. DR. ARIS BIN KASAN



YBRS. PN. KHOLIAH
BINTI ISMAIL



YBRS. EN. OMAR SHARIFF
BIN MYDEEN



YBHG. DATUK DR. HJ. ABDUL
RAMAN BIN HAJI SAAD



YBRS. EN. AZRUL BIN AZIZ



YBRS. EN. SHAHID-DIN
BIN MOHD Khatib

Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum dan Salam Hormat,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izinNya Laporan Tahunan 2014 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak.

Saya mewakili seluruh Ahli Lembaga Pengarah Universiti ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan kasih sayang dan rahmatnya maka penerbitan buku Laporan Tahunan 2014 dapat dizahirkan bagi rujukan semua pihak.

Tahun 2014 merupakan fasa pemangkin kepada perubahan dan pembangunan Universiti ke arah yang lebih berdaya saing dan kompetitif diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak Universiti yang terarah kepada kemajuan yang konsisten dari aspek pencapaian dalam bidang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta tadbir urus.

Perubahan kepemimpinan di peringkat pentadbiran juga telah memberikan kesan terhadap ekosistem pentadbiran dan pengoperasian Universiti. Di bawah kepimpinan Naib Canselor, struktur pentadbiran telah mengalami perubahan dengan pewujudan Pusat Tanggungjawab baharu dan beberapa pusat yang lebih berfokus dilihat mampu memberikan impak terhadap pembangunan Universiti yang lebih komprehensif. Perubahan ini bertujuan memastikan pentadbiran dan pengoperasian Universiti yang lebih sistematik selain memastikan pembaharuan terus dilaksanakan selaras dengan sebuah Universiti berautonomi. Perubahan ini juga adalah diharapkan dapat membantu pihak Universiti mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pihak Universiti jua terus komited dalam memperkukuh dan memperkasakan pendidikan tinggi teknikal yang juga menjadi pemangkin ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan penawaran program ijazah sarjana muda kejuruteraan secara *broad based*. Pelaksanaan program secara *broad based* ini merupakan satu nilai tambah kepada Universiti dalam menarik minat para pelajar khususnya menceburi bidang teknikal. Ia juga merupakan salah satu usaha Universiti dalam melahirkan modal insan berkualiti dalam bidang kejuruteraan yang turut menyokong usaha mengarusperdanakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Di samping itu, pembaharuan ini juga dilihat relevan selari dengan keperluan pasaran dan mampu meningkatkan kebolehpasaran para pelajar.

Kepada semua staf Universiti semoga terus bersama-sama sebagai sebuah pasukan menggembleng tenaga agar kemajuan dan kestabilan Universiti terus terjaga dan dinikmati. Saya juga berdoa agar dengan adanya sifat kerjasama yang telah dibina antara sesama staf mahupun di antara pihak Lembaga dan Pengurusan Universiti mampu membina masa depan Universiti yang lebih gemilang dan harmoni.

Akhir kata, diharapkan laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan panduan yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dalam memantapkan gerak kerja yang lebih sistematik dan berfokus. Semoga segala usaha seluruh warga Universiti ini akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Wassalam.

Tan Sri Dato' Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Laporan Lembaga Pengarah Universiti

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang boleh menjalankan segala kuasa yang diberi kepada Universiti melalui Perlembagaan UTeM. Bidang tugas dan tanggungjawab utama LPU ialah dari segi pentadbiran UTeM diperingkat dasar khususnya dalam hal ehwal kewangan dan staf.

LPU juga berperanan sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan UTeM atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

Selain itu Lembaga Pengarah Universiti juga berperanan :

- i. mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- ii. menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
- iii. membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- iv. memupuk hubungan global dan keantarbangsaan berhubung dengan pelajar tinggi dan penyelidikan; dan
- v. memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

Keanggotaan Lembaga Pengarah UTeM adalah berdasarkan kepada Perlembagaan UTeM. Secara umumnya keanggotaan Lembaga Pengarah Universiti terdiri daripada seorang Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, sepuluh orang ahli Lembaga Pengarah dan seorang Ahli Silih Ganti Lembaga Pengarah Universiti. Keanggotaan Lembaga Pengarah UTeM sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut :

Pengerusi : YBhg. Tan Sri Dato' Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin

Ahli : *YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
 : YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
 : YB. Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
 : **YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh
 : YBhg. Dato' Amir bin Md Nor
 : ***YBrs. Dr. Aris bin Kasan
 : YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Raman bin Haji Saad
 : YBhg. Datuk Ir. Hj. Baharam bin Mohd
 : YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain
 : YB. Senator Tuan Zali bin Mat Yasin
 : YBrs. Pn. Kholiah binti Ismail
 : YBrs. En. Omar Shariff bin Mydeen
 : YBrs. En. Azrul bin Aziz

Ahli Silih Ganti : **** YBrs. En. Shahid-din bin Mohd Khatib
 YBrs. Prof. Madya Ismi Arif bin Ismail

*YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Tamat Lantikan Pada 15 Jun 2014)

** YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh (Tamat Lantikan Pada 31 Oktober 2014)

*** YBrs. Dr. Aris bin Kasan (Tamat Lantikan Pada 31 Oktober 2014)

**** YBrs. En. Shahid-din bin Mohd Khatib (Tamat Lantikan Pada 14 Jun 2014)

Ahli Senat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi tahun 2014

Bil.	Nama	Jawatan
1	Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusuff bin Hassan	Pengerusi - Naib Canselor (Tamat 15 Jun 2014)
	Prof. Dr. Shahrin bin Sahib	Pengerusi - Naib Canselor (Bermula 16 Jun 2014)
2	Prof. Dr. Shahrin bin Sahib	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) (tamat 15 Jun 2014)
	Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) (Bermula 1 Ogos 2014)
3	Prof. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4	Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5	Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad	Dekan Pusat Pengajian Siswazah
6	Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman	Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik
7	Prof. Madya Dr. Abdul Rani bin Othman	Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer
8	Prof. Madya Dr. Noreffendy bin Tamaldin	Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
9	Prof. Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh	Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
10	Prof. Madya Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani	Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
	Prof. Madya Dr. Md. Nor Hayati bin Tahir	Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan (Tamat 30 Jun 2014)
11	Dr. Mohd Syaiful Rizal Bin Abdul Hamid	Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan (Bermula 1 Julai 2014)
	Dr. Mariana binti Yusoff	Dekan Pusat Bahasa Pembangunan Insan (Tamat 31 Disember 2014)
12	Dr. Zawiah binti Mat	Dekan Pusat Bahasa Pembangunan Insan (Bermula 16 Oktober 2014)

Bil.	Nama	Jawatan
13	Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff	Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan
14	Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail	Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri) (Tamat 1 Februari 2015)
15	Prof. Datuk Dr. Zolkepli Bin Buang	Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
16	Prof. Madya Shahdan bin Md. Lani	Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti & Akreditasi
17	Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan	Pengarah Pusat Pengajaran & Pembelajaran
18	Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain	Profesor
19	Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah	Profesor
20	Datuk Hasan bin Sirun	Pendaftar
21	Encik Khairul bin Taib	Bendahari
22	Puan Hajah Faridah binti Hj. Md Amin	Ketua Pustakawan
23	Encik Azhar bin Mohamed	Penasihat Undang-undang
24	Encik Mohd Isa bin Mohd Dom	Pengarah Pusat Komputer
25	LAr Abdul Wahab bin Harun	Pengarah Pembangunan

Jawatankuasa Audit Dalam tahun 2014

1. Encik Omar Shariff bin Mydeen
2. Y. Bhg Datuk Dr. Haji Abdul Raman bin Haji Saad
3. Puan Kholiah binti Ismail
4. Y. Brs. Dr. Aris bin Kasan
5. Encik Azrul bin Aziz
6. Encik Shahid-Din bin Mohd Khatib

3.0 Laporan Naib Canselor

Naib Canselor

Prof. Datuk Dr.
Shahrin Bin Sahib



3.0 LAPORAN NAIB CANSOLOR

Laporan Tahunan 2014 UTeM

Pertamanya, saya ingin melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, UTeM terus cemerlang dan berdaya saing dalam mengharungi arus globalisasi yang semakin kompetitif bagi mengukuhkan visibiliti Universiti Teknikal Malaysia Melaka ke peringkat serantau juga antarabangsa. Pada tahun 2014, tema perutusan “Terus Merintis Mendepani Cabaran, Aras Mantap” telah dipilih agar warga Universiti terus dinamik, mempunyai set minda yang proaktif dan menentang keunikan agar keberadaan juga keunggulan UTeM terus di aras mantap.

Dalam melonjak kecemerlangan pendidikan teknikal di UTeM, pada tahun 2014 kurikulum program kejuruteraan di peringkat Ijazah Sarjana Muda telah dipertingkatkan kualitinya dengan komposisi kurikulum 80% teori dan 20 % praktikal. Sejumlah lima program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan baru dengan pendekatan “broadbased engineering education” telah diperkenalkan pada pengambilan sesi akademik 2014/2015. Ini menjadikan UTeM, IPTA teknikal pertama yang telah menjumudkan 18 program kejuruteraan kepada 5 program kejuruteraan secara asas luas bagi memberi tumpuan ke arah melahirkan modal insan berkualiti sekali gus menyokong hasrat kerajaan dalam mengarusperdanakan Pendidikan Teknikal Latihan Vokasional (TVET). Pembaharuan ini juga merupakan antara usaha UTeM dalam menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan memenuhi kehendak jaminan kualiti sekali gus mencerminkan komitmen Universiti dalam memberi nilai tambah kepada para pelajar UTeM. Selaras dengan penawaran 77 program akademik merangkumi peringkat pra siswazah dan pasca siswazah telah menjadikan enrolmen keseluruhan pelajar UTeM pada tahun 2014 menjadi seramai 11,294 orang. Dalam menyahut dasar e-pembelajaran negara, UTeM turut menyediakan sarana pengajaran dan pembelajaran menerusi kaedah *Massive Open Online Courses* (MOOC) melibatkan platform *open learning* yang telah menawarkan empat (4) kursus rintis iaitu Hubungan Etnik, Keusahawanan dan Literasi IT mulai sesi akademik 2014/2015. Pada September 2014 juga, sebuah Pusat Akademik, TokushimaU – UTeM telah ditubuhkan di Kampus Induk, UTeM atas inisiatif Fakulti Kejuruteraan Pembuatan bersama Tokushima University, Jepun bagi perkongsian pintar dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Selain itu dalam usaha memperkukuhkan sinergi pengantarabangsa, pada tahun 2014, sejumlah sembilan Memorandum Persefahaman (MoU) berbanding tujuh MoU pada tahun 2013 telah ditandatangani dengan universiti tersohor di Arab Saudi, Turki, Korea, Jepun dan Indonesia. Kerjasama yang terjalin dengan universiti terulung ini telah memacu UTeM ke arah inovasi dalam memantapkan aspek pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu pada tahun 2014, buat pertama kali program mobiliti berkredit diperluaskan ke Timur Tengah iaitu di Marmara University. Selain itu seramai 164 pelajar turut terlibat dengan program ini sama ada berkredit atau tanpa kredit di universiti sekitar negara seperti Indonesia, Korea, Jerman, Perancis dan Jepun.

Apabila menyentuh aspek merintis teknologi masa hadapan, pada tahun 2014, UTeM turut komited dan berjaya memperoleh peruntukan keseluruhan geran penyelidikan berjumlah RM 13.99 juta bagi pembiayaan 131 projek dan 2 geran antarabangsa iaitu berjumlah RM 163,670.73. Usaha bersepadu bagi meningkatkan sumber perolehan geran swasta dan antarabangsa terus di perkasakan agar tidak hanya bergantung kepada geran Kerajaan dan Universiti. Selain itu amalan penyelidikan yang dilaksanakan di UTeM lebih bersifat multi-disiplin iaitu merentasi fakulti dan penekanan turut diberikan ke arah penyelesaian masalah komuniti dan industri. UTeM juga terus mengorak langkah menggembeng dan melakukan perubahan dalam bidang tujahan utama iaitu daripada Teknologi Pembuatan Termaju (AMT) kepada Teknologi Pembuatan Lestari (*Sustainable Manufacturing Technology - SMT*). SMT ini turut disokong oleh empat kluster iaitu Teknologi Hijau, Kejuruteraan Sistem, Teknologi Mendatang dan Interaksi Manusia-Teknologi. UTeM turut bekerjasama membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam mencapai status bandar teknologi hijau menjelang 2020 menerusi penubuhan Pusat Kecemerlangan – *Centre For Renewable Energy & Energy Efficiency (CentTREE)* di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebagai pusat penyelidikan dalam bidang (*renewable energy*) dan (*energy efficiency*) di samping penerapan elemen kelestarian dalam kursus yang dikendalikan di UTeM. Penekanan terhadap data penerbitan turut dilaksanakan oleh UTeM. Alhamdulillah menerusi perancangan berstrategik dan komitmen daripada penyelidik UTeM, sejumlah 542 artikel telah diterbitkan dalam jurnal berindeks SCOPUS dan ISI. Tambahan lagi jurnal berindeks ISI terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu melebihi 30% daripada tahun yang sebelumnya. Menerusi penstrukturan semula Pusat Tanggungjawab, UTeM terus komited dengan penubuhan Pusat Pengkomersilan, tindakan ini memberikan hasil yang signifikan apabila tiga produk inovasi penyelidik UTeM iaitu *My 2nd Eye, An Automatic Tyre Pressure Controller* dan *Electro-Mechanical Locking System* telah berjaya dikomersilkan. Selain itu dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan, penyelidik UTeM turut diberi pendedahan menerusi penyertaan diperingkat nasional juga antarabangsa dan sejumlah 48 pingat telah diperolehi.

Dalam menelusuri strategi perkongsian pintar di antara UTeM dengan rakan industri telah memberikan kesan yang signifikan dalam bidang akademik, penyelidikan dan komuniti setempat. Pada tahun 2014, UTeM telah berjaya menjalinkan tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) dan tiga (3) Memorandum Perjanjian (MoA) dengan rakan strategik industri yang turut memberi manfaat berguna kepada pelajar menerusi latihan industri yang dijalankan di syarikat-syarikat tersebut. Selain itu pelbagai program telah dilaksanakan oleh UTeM pada tahun 2014 bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran di kalangan graduan UTeM iaitu seperti Program *UTeM Job Camp 2014*, *Infineon Week 2014*, Program *Campus Connect KPT-WD*, Program *Graduate Induction (GrIP)*, Program *Industrial Development (INDEP)*, Program *SME–University Internship 2014* dan *Engineering Booster Programme with Infineon 2014*. UTeM juga terus memperkasakan peranan UTeM Career Connect (U2C) sebagai antara muka (interface) atau perantara dengan Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Industri dan Komuniti seperti Talent Corp, Might Meteor, SL1M dan Job Malaysia bagi membolehkan mahasiswa UTeM mendapatkan pekerjaan setaraf dengan bidang dan kelayakan akademik yang diperolehi. Di samping itu dalam menyentuh perihal peningkatan kualiti graduan UTeM, mahasiswa / mahasiswi UTeM turut dibekalkan dengan asas

keusahawanan dan pendedahan terhadap ekosistem teknousahawanan yang dinamik. Selain itu menerusi hubungan strategik bersama The Institution of Engineers Malaysia (IEM), UTeM telah dianugerahkan *Most Supportive Organisation For Recruitment Of Graduate Membership 2013* di atas komitmen jitu memastikan mahasiswa / mahasiswi UTeM berdaftar IEM agar mereka mendapat akses dan kelebihan dalam pembangunan kejuruteraan profesional. Di samping itu pada tahun 2014 juga, Dassault Systems telah menobatkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTeM sebagai *1st Dassault Systems Academy Member Programme* di kalangan negara-negara Asean di atas inisiatif dan kerjasama strategik yang telah terjalin semenjak tahun 2012.


Pada 2014 juga, UTeM telah melalui Audit Kesediaan Autonomi dan penganugerahan yang diberi membolehkan UTeM untuk bergerak sebagai institusi berinovasi dan kompetitif dalam empat aspek governans serta menerusi penurunan kuasa, UTeM berpeluang membuat keputusan secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa berpegang kepada prinsip integriti dan akauntabiliti. Pada pertengahan tahun 2014 juga, UTeM turut melalui proses pemantapan organisasi menerusi penstrukturan semula Pusat Tanggungjawab, penubuhan pusat baharu dan perwujudan jawatan Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti). Selain itu UTeM turut melaksanakan kajian semula ke atas strategik objektif yang tercatat pada Pelan Strategik UTeM 2012-2020 agar dimurnikan dan dilaksanakan secara lebih berkesan. Apabila menyentuh perihal peningkatan kompetensi warga kerja, UTeM terus komited dalam meningkatkan peratusan pensyarah berkeelayakan Doktor Falsafah (PhD) di mana pelbagai inisiatif diusahakan bagi memastikan peratusan ini terus meningkat untuk mencapai hasrat MyBrain 15 selaras dengan agenda “Malaysia sebagai Pusat kepada Perkembangan Pengetahuan dan Inovasi”. Pada tahun 2014 peratusan staf akademik berkeelayakan PhD terus meningkat kepada 32.06% berbanding hanya 29.55% pada tahun 2013. Selain itu terdapat juga staf akademik yang diberi pendedahan dan pengalaman industri menerusi Skim Sangkut Industri yang dilaksanakan. UTeM turut memberi tumpuan serius dalam pembangunan kepemimpinan di mana Program *Creating A Coaching Culture In UTeM* telah diadakan bagi membangunkan potensi pelapis kepimpinan ke arah kecemerlangan UTeM.

Kesimpulan

Sesungguhnya pencapaian UTeM sepanjang tahun 2014 mencerminkan Universiti senantiasa bergerak maju ke hadapan menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif transformasi secara strategik dan melakukan perubahan dinamik agar seiring dengan arus agenda pendidikan tinggi di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Akhir kata terima kasih kepada seluruh warga Universiti yang senantiasa komited dan terlibat secara aktif untuk terus menyumbang kepada pembangunan ilmu demi manfaat masyarakat, bangsa dan Negara. Semoga UTeM akan “Terus Merintis, Mendepani Cabaran” untuk berada di aras yang mantap.



4.0 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama



Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah memasuki tahun keempat Fasa 2 iaitu Fasa Peningkatan dan Pemerkasaan bermula dari tahun 2011 hingga 2015 dan kejayaan PSPTN diukur melalui pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan melalui pembentukan Projek Agenda Kritikal (Critical Agenda Project) - CAP.

Pada tahun 2014, UTeM telah terlibat dengan 33 KPI yang meliputi 12 CAP PSPTN seperti berikut:

Jadual 1: 12 CAPs PSTPN

Bil.	CAP PSPTN	Bil. KPI
1	Akademia	4
2	E-Pembelajaran	1
3	Keusahawanan	2
4	Kebolehpasaran Siswazah	1
5	Pembangunan Holistik Mahasiswa	2
6	Industri Akademia	1
7	Pengantarabangsaan	3
8	Program Pemindahan Ilmu (KTP)	3
9	Pembelajaran dan Pengajaran	2
10	Pembelajaran Sepanjang Hayat	3
11	MyBrain15	4
12	Penyelidikan & Pembangunan	7
JUMLAH		33

Pencapaian UTeM Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP)

Akademia

Merujuk kepada Jadual 2, CAP Akademia UTeM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan terutamanya pencapaian menerusi KPI “Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa”. KPI ini telah mencapai lebih dari yang disasarkan iaitu seramai 130 orang ahli akademik yang telah mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kejayaan ini didorong dengan sokongan dari Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan dan Ketua Jabatan melalui penyertaan pertandingan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Gabungan antara fakulti dengan perkongsian idea, kepakaran serta kemahiran telah memberikan impak terhadap mutu dan kualiti terhadap produk yang dihasilkan.

Jadual 2: KPI CAP Akademia

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan Penerbitan Yang Dihasilkan Secara Perkongsian Dan Berpasukan	135	378
2	Bilangan Ahli Akademik Yang Mendapat Penganugerahan Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	115	130
3	Bilangan Ahli Akademik Yang Dilantik Menjadi Profesor Adjung/ Profesor Pelawat	2	1
4	Bilangan Ahli Akademik Yang Terlibat Sebagai Pakar Rujuk/ Penasihat Di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa	53	127

e-Pembelajaran

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) ditubuhkan bagi memperkasakan e-pembelajaran di UTeM dengan memberikan penekanan terhadap keperluan latihan, membanggunkan polisi serta menyediakan kemudahan yang diperlukan seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan memasukkan modul asas penggunaan *UTeM e-Learning Management System (U-Learn)* ke dalam kursus asas pengajaran dan pembelajaran yang wajib dihadiri oleh semua pensyarah sebelum mereka disahkan jawatan.

Jadual 3 menunjukkan UTeM telah berjaya mengendalikan sebanyak 384 kursus IPTA dalam *Mod Blended Learning* pada tahun 2014 dan ianya melebihi dari sasaran yang ditetapkan.

Jadual 3: KPI CAP e- Pembelajaran

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan kursus IPTA dalam Mod Blended Learning	190	384

Keusahawanan

Jadual 4 menunjukkan CAP Keusahawanan UTeM telah melebihi sasaran menerusi KPI “Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan/ pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum” iaitu seramai 3,912 pelajar melebihi dari sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 3,200 pelajar.

Pusat Pembangunan Keusahawanan UTeM telah berjaya menganjurkan beberapa program antaranya “Ekspo Melaka-UTeM Young Enterpreurial Inventors (EYEI) 2014” yang telah menghimpunkan beberapa kumpulan perekacipta muda dikalangan pelajar UTeM untuk memperkenalkan hasil inovasi mereka dalam bidang keusahawanan.

Antara aktiviti pendedahan dan pembudayaan keusahawanan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Takaful Career Development Programme
- (ii) Entrepreneurial Explorace UTeM 2014
- (iii) Program SME-University Internship
- (iv) Siri Ceramah Perdana Keusahawanan
- (v) MyUTeM Student Entrepreneurship Training(MyUTeM SET)
- (vi) Seminar Pembudayaan Keusahawanan Mahasiswa Baru Sesi 2014/2015
- (vii) Bengkel Graduan Bay
- (viii) The Apprentice
- (ix) Ekspo Melaka-UTeM Young Enterpreurial Inventors (EYEI) 2014

Jadual 4 : KPI CAP Keusahawanan

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan siswazah/lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	25	26
2	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan/ pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum	3,200	3,912

Kebolehpasaran Siswazah

UTeM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kebolehpasaran terhadap kualiti graduan yang dihasilkan dengan dilengkapi nilai tambah supaya ianya dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Jadual 5 menunjukkan pencapaian bagi KPI CAP Kebolehpasaran Siswazah tahun 2014.

Berdasarkan kepada Kajian Pengesanan Graduan yang telah dilaksanakan semasa Majlis Konvokesyen ke-10 UTeM pada tahun 2014, seramai 69 peratus daripada pelajar UTeM telah mendapat pekerjaan semasa konvokesyen berlangsung.

Jadual 5: KPI CAP Kebolehpasaran Siswazah

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Peratus Siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	80	69

Pembangunan Holistik Pelajar

CAP Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) memberi tumpuan kepada pembangunan sahsiah pelajar yang seimbang dari segi keterampilan, semangat patriotik, disiplin dan nilai murni. Pelaksanaan diletakkan kepada konteks kokurikulum memandangkan ia mempunyai elemen ilmu praktikal dan ilmu falsafah yang menyokong kepada pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Sehubungan itu, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI), UTeM yang berperanan bagi menjayakan hasrat ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan *University Community Engagement (UCE)*. Antara aktiviti pelajar yang telah dilaksanakan adalah seperti Program “Sejambak Budi Setangkai Hati” kepada pelajar-pelajar di (5) lima buah sekolah rendah yang berjaya dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Paya Dalam, Melaka, melaksanakan Program Karnival Keusahawanan DUN Bukit Baru dengan kerjasama Mini RTC Paya Ikan dan JAPERUN Bukit Baru serta menjalankan Program Mahasiswa Turun Padang, Kampung Bukit Durian, Umbai Melaka.

Jadual 6: KPI CAP Pembangunan Holistik Pelajar

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan pemimpin yang berketerampilan di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	10	10
2	Bilangan program berteraskan University Community Engagement (UCE) yang dilaksanakan oleh IPTA di seluruh Malaysia	3	3

Industri – Akademia

Menyedari akan kepentingan serta kelebihan hubungan Industri-Akademia ini, UTeM telah menjalinkan usahasama dengan pihak industri yang meliputi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), usaha pembangunan pengkomersilan serta knowledge sharing antara kedua belah pihak.

Jadual 7 adalah pencapaian terhadap KPI CAP Industri – Akademia bagi tahun 2014 dengan pencapaian sebanyak 21% dan melebihi dari sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 12%. Penyumbang utama pendapatan yang dijana UTeM adalah hasil dari kutipan yuran pengajian pelajar.

Jadual 7: KPI CAP Industri-Akademia

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	12	21

Pengantarabangsaan

Pengantarabangsaan merupakan Teras Kelima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang bertujuan untuk memartabatkan IPT tempatan bertaraf dunia. Teras ini menyasarkan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020.

Selaras dengan teras ini, UTeM telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan jumlah staf akademik antarabangsa seperti membuat program headhunting menerusi iklan di surat khabar, radio dan televisyen supaya ianya dapat menarik minat lebih ramai staf akademik antarabangsa bekerja di UTeM

Jadual 8 merujuk kepada pencapaian KPI bagi CAP Pengantarabangsaan bagi tahun 2014.

Jadual 8: KPI CAP Pengantarabangsaan

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	38	34
2	Enrolmen mahasiswa pasca siswazah antarabangsa di IPT (IPTA/ IPTS)	282	178
3	Enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPT (IPTA/ IPTS)	706	381

Program Pemindahan Pengetahuan (KTP)

Perlaksanaan Program Pemindahan Pengetahuan adalah amat penting bagi tujuan pengukuhan ilmu terhadap komuniti dan industri di Malaysia dan secara langsung akan meningkatkan taraf hidup dan pendapatan bagi sesuatu komuniti dan industri. Ini adalah sejajar dengan perkembangan pengajian tinggi global dan hasrat negara menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Jadual 9 menunjukkan pencapaian KPI yang cemerlang terhadap KPI “Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh industri masing-masing” yang mana 2 projek telah dihasilkan UTeM iaitu *Implementation of Smart Eye For Visually Impaired Person* oleh Engr. Anuar bin Mohamed Kassim dan *Energy Free Keyless Grill Locking System* oleh Encik Abdul Rahim bin Samsudin.

Jadual 9: KPI CAP Program Pemindahan Pengetahuan (KTP)

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh Komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri, masing-masing	2	2
2	Bilangan projek pemangkin/ 'Flagship' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	2	1
3	Bilangan Projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti	5	3

Pembelajaran & Pengajaran

UTeM sentiasa memastikan kaedah pembelajaran dan pengajaran ditambah baik agar lebih berinovatif, dinamik, terkini dan sentiasa relevan dengan keperluan pasaran dan perkembangan ilmu semasa.

Merujuk kepada Jadual 10, KPI “Jumlah bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P”, UTeM telah berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM 97,360.00.

Jadual 10: KPI CAP Pembelajaran & Pengajaran

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD.	32	28
2	Jumlah bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	17,025	97,360

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan.

Bagi merealisasikan hasrat ini, UTeM telah menjalankan beberapa program PSH dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai. Merujuk Jadual 11, KPI “Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH formal)” telah mencatatkan jumlah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 861 peserta.

Jadual 11: KPI CAP Pembelajaran Sepanjang Hayat

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH formal) - IPTA	800	861
2	Bilangan Program PSH di IPTA	45	51
3	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH tidak Formal) - IPTA	250	217

MyBrain 15

Merupakan salah satu agenda kritikal yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan bagi PSPTN bertujuan untuk melahirkan bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu ekonomi negara yang berdaya saing.

Berdasarkan KPI “Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)”, UTeM mempunyai jumlah mahasiswa seramai 231 orang melebihi dari sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014. Jadual 12 menunjukkan pencapaian KPI bagi CAP MyBrain15.

Jadual 12: KPI CAP MyBrain15

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	3	7
2	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduasi oleh IPTA	5	9
3	Bilangan Staf Akademik berkelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	260	260
4	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	225	231

Penyelidikan & Pembangunan

Jadual 13 menunjukkan pencapaian KPI bagi CAP Penyelidikan & Pembangunan yang mempunyai (tujuh) Petunjuk Prestasi Utama (KPI). KPI mencapai sasaran yang cemerlang adalah KPI “Jumlah penjanaaan pendapatan R&D&C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) Khidmat Knowledge Transfer” . KPI tersebut telah mencatatkan jumlah penjanaaan pendapatan sebanyak RM 3,733,890.

Penjanaaan pendapatan yang diperoleh adalah hasil daripada yuran pengajian Pascasiswazah, penganjuran persidangan, latihan serta bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan.

Jadual 13: KPI CAP Penyelidikan & Pembangunan

BIL.	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014
1	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	1	3
2	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	500,000	92,130
3	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	200,000	31,058
4	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan	40	50
5	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	450	542
6	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	3,125	2,676
7	Jumlah penjanaaan pendapatan R&D&C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) Khidmat Knowledge Transfer	1,000,000	3,733,890

Pencapaian Keseluruhan

Secara keseluruhannya, dari 33 KPI yang telah ditetapkan pada tahun 2014, 21 KPI (64%) telah mencatatkan pencapaian 95% atau lebih terhadap sasaran yang ditetapkan. Manakala 7 KPI (21%) merekodkan 60% hingga 94% pencapaian dari sasaran yang ditetapkan dan 5 KPI (15%) mencatatkan pencapaian kurang dari 60% terhadap sasaran yang ditetapkan.

Jadual 14 adalah jadual pencapaian keseluruhan KPI CAP UTeM bagi tahun 2014. Manakala Carta Pai 1 menunjukkan peratusan pencapaian keseluruhan.

Jadual 14 : Pencapaian KPI CAP UTeM 2014

Pencapaian	Indikator	Bilangan KPI	% Pencapaian dari keseluruhan
95% >	Hijau	21	64
60% - 94%	Kuning	7	21
< 60%	Merah	5	15
Jumlah		33	100%




Rajah 1: Peratusan Pencapaian KPI CAP UTeM 2014

LAPORAN TAHUNAN



2014

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



5.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal

Program Akademik

Kurikulum program kejuruteraan di peringkat ijazah sarjana muda dipertingkatkan kualitinya sejajar dengan perubahan pada Manual EAC 2012 dengan komposisi kurikulum 80% teori dan 20 % praktikal. Empat program ijazah sarjana muda kejuruteraan yang baru dengan pendekatan “*broadbased engineering education*” dibangunkan bagi pengambilan Sesi 2014/2015. Perubahan kepada pembelajaran berorientasikan penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu usaha meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah untuk mendukung aktiviti penyelidikan di UTeM.

Selaras dengan itu, pada tahun 2014, UTeM telah menawarkan **76 program pengajian** merangkumi lima (5) program diperingkat Diploma, 25 program di peringkat Sarjana Muda disamping 35 program Sarjana, tujuh (7) program Doktor Falsafah dan empat (4) program Doktor Kejuruteraan. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

FAKULTI	NAMA PROGRAM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)	<p><u>Pasca Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah 2. Doktor Kejuruteraan 3. Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektronik 4. Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) 5. Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) 6. Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)
	<p><u>Pra Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian. 2. Diploma Kejuruteraan Elektronik.

FAKULTI	NAMA PROGRAM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)	<u>Pasca Siswazah</u> <ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah 2. Doktor Kejuruteraan 3. Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik 4. Ijazah Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekatronik 5. Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu) 6. Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) 7. Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan dan Robotik)
2.	<ul style="list-style-type: none"> i. Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre (CREST) ii. Silterra Malaysia Sdn Bhd 	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	05-Dis-2014	<ul style="list-style-type: none"> i. Memorandum Perjanjian (MOA) antara UTeM, Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre (CREST) dan Silterra M'sia Sdn. Bhd. ii. Geran R&D
3.	SME Corp Malaysia	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)	02-Apr-2014	Bekerjasama dalam memberi latihan dan pendedahan keusahawanan kepada pelajar UTeM dengan syarikat perniagaan tempatan di Malaysia serta menggalakkan pembangunan lestari PKS tempatan.



Rajah 9: Jumlah MoU & MoA di antara UTeM & Industri yang ditandatangani pada tahun 2013 dan 2014

Kem Kerjaya UTeM

Kem Kerjaya UTeM dianjurkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM ke-10. Program selama lima (5) hari bermula pada 22 hingga 26 September 2014, bertempat di Pusat Persatuan Pelajar disertai oleh beberapa syarikat yang turut mengadakan pameran kerjaya, temuduga terbuka dan ceramah kerjaya iaitu :

- i) Sony (M) Sdn. Bhd.
- ii) Agilent Technologies Microwave Products (M) Sdn. Bhd.
- iii) AUO Sunpower Sdn. Bhd.
- iv) Texas Instruments Electronics (M) Sdn. Bhd.
- v) Western Digital (M) Sdn. Bhd.
- vi) LED Vision Sdn. Bhd.
- vii) Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.
- viii) Samsung Electronics Display (M) Sdn. Bhd.
- ix) Sime Darby

Program ini bertujuan mempromosikan pencapaian cemerlang UTeM kepada para graduan dan syarikat/industri di Malaysia dengan kaedah menemukan 'job providers' (majikan) dan 'job seekers' (para graduan) secara langsung dan berinteraksi bagi membantu dalam pencarian kerjaya yang sesuai.



Program ini turut berperanan sebagai Pusat Sehenti (One-Stop Centre) kepada majikan dan bakal-bakal graduan UTeM bagi menggalakkan setiap pelajar melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk bersaing dalam mendapatkan pekerjaan.

Infineon Week 2014

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan untuk mengadakan program kerjasama di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan syarikat Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd. (Infineon) yang dinamakan Program *Industry Center Of Excellence (I-CoE): Kluster E&E*. Program kerjasama ini merangkumi aspek Pembangunan Sumber Manusia khususnya dalam melatih kakitangan Infineon dan UTeM dan pelajar dalam perkara berkaitan pembangunan, penghasilan dan pembungkusan termaju (advanced manufacturing) produk *Back End (BE)*.

Program Infineon Week 2014 ini diadakan sebagai satu aktiviti kerjasama di bawah Program UTeM-Infineon yang telah dimeterai melalui Perjanjian Persefahaman (MoU) pada 8 Disember 2011 di antara Universiti dan Infineon yang juga merupakan rakan strategik UTeM. Diharapkan agar aktiviti ini akan menjadi jambatan penghubung bagi mendekatkan UTeM dengan pihak Infineon serta mempunyai objektif untuk memaksimumkan kesejajaran (alignment) hala tuju UTeM dengan keperluan industri.

Antara pengisian program yang telah dilaksanakan pada 19-20 Mei 2014 itu adalah seperti:-

1. *Career Talk* bersama Infineon di Auditorium Canselori jam 2.00 ptg pada 19 Mei.
Antara pengisian program adalah peluang pekerjaan di Infineon, perkongsian bersama Alumni UTeM di Infineon, dan *Engineering Booster Program* yang menawarkan insentif yang tinggi kepada graduan yang berjaya.
2. *Walk-in Interview* pada 20 Mei dari jam 9.00- 5.00 bagi *Engineering Booster Program* dan kerja kosong di bahagian IT di PPP/ FKEKK.
3. Pertandingan Poster Projek Semester Akhir yang menawarkan hadiah wang tunai dari RM 1,000, RM 700, RM300 dan 5 hadiah saguhati RM 100.
4. *Job Camp* dengan penyertaan daripada industri seperti Infineon, LED Vision, Sime Darby dan lain-lain.

Program *Campus Connect KPT-WD*

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan untuk mengadakan program kerjasama dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WD) yang dinamakan *Program Campus Connect* Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) - Western Digital (WD).

Western Digital adalah pengeluar terbesar dan paling pesat berkembang di dunia untuk Pemacu Cakera Keras (HDD). Syarikat ini telah berada di Malaysia selama lebih 40 tahun dan pada masa ini beroperasi di tiga kawasan perkilangan di Pulau Pinang, Penang dan Johor. Program kerjasama dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WDM) menekankan kerjasama bersama Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti Tempatan (IPT) dalam industri Pemacu Cakera Keras (HDD) dan Media Substrates.

UTeM melalui Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) (PPNC(JIM)) telah dipertanggungjawabkan sebagai sekretariat bagi menguruskan dan menyelaraskan semua program dan aktiviti yang telah dirancang bagi menjayakan pelaksanaan Program *Campus Connect KPM - WD* ini. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di sepanjang tahun 2014 ialah :

i) Mengadakan dan menjalankan beberapa program berkaitan kebolehpasaran graduan (graduate employability) :

a) Graduate Induction Programme (GriP)

- Aktiviti pembangunan dan kebolehpasaran bakal graduan Universiti yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda berkaitan teknologi Hard Disk Drive (HDD) telah persetujui oleh KPT untuk dilaksanakan bagi keseluruhan jumlah 100 orang pelajar. Sehingga kini seramai 74 orang pelajar ijazah sarjana muda telah dilatih.
- Kohort-1 (pengambilan Jan 13): Seramai 42 orang pelajar telah terpilih
- Kohort-2 (pengambilan Jan 14): Seramai 16 orang pelajar telah terpilih
- Kohort-3 (pengambilan Jan 2015): Seramai 16 orang pelajar telah terpilih

b) Industrial Development Programme (INDEP)

- Aktiviti pembangunan dan kebolehpasaran bakal graduan Politeknik berkaitan teknologi Hard Disk Drive (HDD) telah persetujui oleh KPT untuk dilaksanakan bagi 200 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma. Sehingga kini seramai 173 orang pelajar diploma telah dilatih.
- Kohort-1 (pengambilan Mei 2013): Seramai 38 orang pelajar telah terpilih
- Kohort-2 (pengambilan Nov 2013): Seramai 41 orang pelajar telah terpilih
- Kohort-3 (pengambilan Mei 2014): Seramai 9 orang pelajar telah terpilih
- Kohort-4 (pengambilan Nov 2014): Seramai 89 orang pelajar telah terpilih

c) Majlis Penyerahan Sijil Tamat Latihan Kepada Pelajar GriP Dan INDEP di bawah Program Campus Connect KPM – WD pada 5 Disember 2014 di Western Digital Petaling Jaya. Seramai 42 orang pelajar GriP dan 85 orang pelajar INDEP yang telah tamat latihan dan diraikan dalam majlis tersebut.

ii) Mempromosikan Program Pascasiswazah:

Mendapatkan 15 tempat untuk staf jurutera WDM bagi Program PESISIR Ijazah Sarjana oleh FKP dengan kerjasama Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) PPNC(JIM) dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) serta telah bergraduasi.

Lawatan Delegasi Dari Morocco Ke UTeM Dan Solar Farm Milik Kumpulan Melaka Berhad

Pada 7 Mac 2014, seramai 6 orang delegasi dari Morocco mengadakan lawatan kerja ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Durian Tunggal dan Solar Farm milik Kumpulan Melaka Berhad di Rumbia.

Delegasi tersebut yang diketuai oleh Pengarah Sains Kehidupan dan Bahagian Teknologi, Prof Albert Sasson serta Naib Presiden Pentadbiran dan Kewangan Hal Ehwal Undang-Undang Uero -Mediterranean University of Fez, Pr. Tijani Bounahmidi. Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah (UTeM), Tan Sri Dato' Ir. Ahmad Zaidee Laidin dan Pengurus Pembangunan Perniagaan & Harta KMB, Abdul Bahar Bahari.



CEO Roundtable 2014

CEO Roundtable 2014 merupakan program yang berfungsi sebagai platform yang memberikan input kepada UTeM dalam perkara yang melibatkan perhubungan kerjasama dan keperluan dengan pihak industri dan juga komuniti. Tokoh-tokoh industri dan komuniti dijemput bagi mendapatkan input dan maklum balas serta berkongsi pengalaman mengenai pelbagai aspek yang boleh membantu dalam pembangunan Universiti selain membina hubungan kerjasama yang kukuh di antara UTeM dengan pihak industri dan komuniti.

Program CEO Roundtable 2014 yang diadakan pada 9 Jun 2014 telah menghimpunkan beberapa pemimpin industri di peringkat Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan dan lain-lain jawatan utama yang berlangsung di Kampus Induk UTeM. Antara peneraju industri yang hadir ialah :

Jadual 31: Ahli CEO Roundtable 2014

Bil.	Nama
1)	PN. NOORASHIDAH AHMAD General Manager/ Vice President, Agilent Technologies
2)	MR. KOAY HEAN KIM President, AUO SunPower Sdn Bhd
3)	MR. LAURENT ZANCHI Managing Director, Cohu Semiconductor Equipment Group (Cohu SEG) (ISMECA Malaysia Sdn. Bhd.)
4)	MR. GOUW KIM SAN Managing Director, Western Digital (M) Sdn Bhd
5)	MR. KAZUHITO TAKIGUCHI Managing Director, Pioneer Technology (M) Sdn. Bhd.
6)	MR. LEE CHEONG CHEE President and Managing Director, Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.
7)	Y. BHG. DR. KAMARULZAMAN MOHAMED ZIN Chief Executive Officer, Silterra Malaysia Sdn. Bhd.
8)	Y.BHG. DATUK IR. HJ. KHAIROL ANUAR BIN MOHAMAD TAWI Executive Chairman, and founder, Kat Technologies Sdn Bhd
9)	Y.BHG. DATO' DR. MOHD SOFI OSMAN Managing Director & Vice President , Altera Corporation (M) Sdn. Bhd.
10)	Y.BHG. DATUK AZHAR ABD WAHAB Senior General Manager, Manufacturing Group, Honda Malaysia Sdn. Bhd.
11)	DATO' NORHALIM YUNUS, CEO, Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)
12)	EN. ROSLAN ROSKAN Chief Operating Officer, CTRM Aero Composites Sdn Bhd
13)	MR. CHRISTOPHER CHAN Chief Executive Officer, The Media Shoppe Berhad (PIKOM Councillor)
14)	DATO' SERI HAJI SUHAIMI BIN HAJI ABDUL RAHMAN Chairman, President and CEO, Masers Energy Malaysia Sdn. Bhd.
15)	Y. BHG. TN. HJ. RAHIM BIN HJ. HITAM President/Group COO, Ingress Corporation Berhad



SME–University Internship Programme 2014

Melalui SME-University Internship Programme 2014 yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2014, sejumlah 5 kumpulan telah ditubuhkan dengan penglibatan seramai 22 orang pelajar. Pihak industri yang terlibat bagi menjayakan program tersebut ialah:

- i) K&Z Jaya Enterprise
(Kumpulan Locus Standi Consultancy)
- ii) Juara Bos Enterprise
(Kumpulan The Infusion Consultancy)
- iii) THC Chocolate Sdn Bhd.
(Kumpulan Blissolution Consultancy)
- iv) Duha Edar Sdn. Bhd.
(Kumpulan Synergy Consultancy)
- v) Jalinan Emas Resources Sdn. Bhd.
(Kumpulan Oriental Cuisine Consultancy)

Pada tahun 2014 juga, pihak SME Corp Malaysia telah memberikan insentif dalam bentuk wang tunai kepada kumpulan pelajar yang menjuarai program berkenaan sebagai penyuntik semangat para peserta. Juara iaitu Kumpulan Infusion telah diberi peluang untuk menyertai “SME-University Internship 2014 Championship” pada 28 Oktober 2014 bertempat di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Program ini adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam meningkatkan sinergi di antara kumpulan industri dengan universiti untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Menerusi program ini, pelajar dengan bantuan pensyarah akan memberi khidmat nasihat perniagaan kepada pemilik IKS seperti nasihat berkenaan strategi pemasaran, pengurusan kewangan dan akaun, pengurusan sumber manusia dan penggunaan teknologi untuk menjalankan perniagaan.

Di samping itu, pelajar juga membantu IKS dalam beberapa aktiviti seperti kajian pemasaran, promosi dan mendapatkan pinjaman.

Engineering Booster Programme with Infineon 2014

Engineering Booster Programme with Infineon merupakan program kerjaya bersama pihak Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd. yang telah diadakan pada 20 Mei 2014 bertempat di Bilik Seminar Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Objektif utama program ini adalah untuk memberi maklumat dan peluang kerjaya kepada bakal graduan untuk bekerja di Infineon. Pengisian program adalah sesi taklimat berkaitan dengan profil syarikat Infineon, maklumat pengambilan pelajar dan isi kandungan *Engineering Booster Programme* (bersama alumni UTeM yang sedang menjalani program ini) dan sesi temu duga. Program ini telah menyediakan ruang bagi pelajar UTeM yang berminat untuk bertemu dengan wakil syarikat besar tempatan dalam memperolehi pekerjaan. Pada masa yang sama, ia juga merupakan kerjasama dengan industri tempatan dalam pengambilan staf yang berkualiti. 40 orang pelajar telah menghadiri sesi taklimat dan 22 pelajar telah melalui sesi temu duga dan berjaya dalam temu duga tersebut.

Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)

Penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri atau *Industry Centre of Excellence (I-CoE)* bukan saja mampu mengenal pasti isu berkaitan pembangunan modal insan, malah membolehkan pemindahan maklumat dan perkongsian teknologi bagi membantu jaringan rangkaian pembekal yang menyokong pihak industri. Diperkenalkan Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah program utama bagi menangani isu kebolehpasaran graduan yang menyokong kelancaran Program Transformasi Ekonomi (ETP), I-CoE dipacu industri tonggak (Anchor Company) dan disokong universiti selaku “lead university” cukup signifikan dalam menemukan sektor industri dan universiti ke arah usaha memastikan pembangunan modal insan berinovatif. Antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

Jadual 32: Aktiviti Pembangunan Modal Insan 2014

NO.	NAMA PROGRAM	RAKAN E&E INDUSTRI	TARIKH PROGRAM	BIL PELAJAR	BIL STAF
1	Penambahbaikan Kurikulum bersama Silterra	Silterra	22/06/2013 - Berterusan	212	6
2	Sangkut Industri staf di Infineon Melaka	Infineon	1/12/2013 - 31/05/2014	0	2
3	<i>Employability skills required by E&E industry for future Enggineers from Infineon, Agilent and Dream Catcher (UTeM & Politeknik Melaka)</i>	Infineon, Agilent and Dream Catcher	2/11/2014	100	4
4	Kursus Teknikal Agilent bersama UTeM & pelajar Politeknik	Agilent	2/24/2014	50	2
5	Lawatan ke Sharp Manufacturing Corporation oleh pelajar dan staf UTeM & UTHM	Sharp	2/26/2014	30	4
6	Lawatan Industri ke Industri LED oleh pelajar UniMAP	LED Vision	04-05/03/2014	80	3
7	<i>Training Embedded System Technologies</i>	Silterra	19-20/04/2014	70	10
8	Temuduga Technician Infineon	Infineon	9/9/2014	30	
9	Kem Kerjaya UTeM		22-26/09/2014	145	
10	Mesyuarat bersama <i>Dream Catcher</i> berkenaan <i>Innovate Malaysia</i>	Dream Catcher	10/1/2014	31	14
11	Perbincangan bersama Samsung		11/13/2014		10
12	Bengkel <i>Train the Trainer Program "Graduate Interpersonel Skills Training (GIST)"</i>		22 -23 Disember 2014		11

Apprenticeship Program Oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan

- a) Menyediakan platform bagi para siswa/i (Perantis) bermula dari tahun 1 sehingga tahun 4 (akhir) untuk mendapatkan pendedahan industri yang sebenar di industri-industri yang berkaitan.
- b) Menyediakan dan menjalankan modul-modul kemahiran insaniah dan seminar teknikal industri bagi para siswa/i yang terlibat dalam memastikan siswa/i bersedia sebelum menjalani latihan industri yang sebenar.
- c) Memastikan keterlibatan dan maklum balas dari industri, perantis dan staf di dalam setiap program yang dijalankan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan:

i. Program Perantis di Industri Automotif Bersama *Malaysian Automotive Institute (MAI)*

- a) Para Siswa/i atau Perantis menjalani sesi latihan pembangunan kemahiran insaniah bersama anjuran pihak MAI sebanyak 3 kali pertemuan iaitu pada hari Sabtu untuk semester 2, sesi 2013/2014 dan 6 kali pertemuan pada semester 1, sesi 2014/2014.
- b) Terdapat beberapa tambahan perantis baru dan juga pengguguran atau tarik diri perantis sedia ada atas sebab-sebab perbadi yang tidak dapat dielakkan.
- c) Jumlah perantis yang ditawarkan tempat ialah seramai 104 orang dan perantis yang menerima tawaran pada kali ini adalah seramai 75 orang.
- d) Para perantis akan menjalani 6 modul (kemahiran insaniah dan modul-modul industri) pada setiap semester di sepanjang pengajian mereka di UTeM.
- e) Perantis akan mengikuti latihan industri selama 2 bulan pada setiap cuti panjang pengajian mereka pada setiap tahun dan 6 bulan pada semester terakhir pelajar.
- f) Penempatan Perantis adalah mengikut persetujuan pihak industri yang terlibat bersama FTK dan MAI seperti berikut:

Jadual 33: Penempatan Perantis di Industri

Syarikat	Bilangan Perantis
Honda (M) Sdn. Bhd.	13 orang
Infineon Technologies (M) Sdn Bhd	20 orang
Peps-Jv (Melaka) Sdn Bhd	3 orang
Kumpulan Jebco Sdn Bhd	14 orang
Malaysian Sheet Glass Sdn Bhd	1 orang
Ichikoh(M) Sdn Bhd	1 orang
Pong Chodan Rubber (M) Sdn Bhd	2 orang
Ansell (M) Sdn Bhd	3 orang

- g) Penyeliaan para Perantis juga telah dilakukan oleh ahli jawatankuasa yang terlibat bagi memastikan perjalanan latihan adalah seperti yang dirancang.



Lawatan Penyelia di Syarikat Honda bersama wakil MAI



Perantis menjalani latihan di Infineon



Sesi perbincangan bersama pihak PHN berkenaan perantis

ii. Program Perantis Bersama Azbil-Yamatake

- Azbil-Yamatake merupakan syarikat di bawah Azbil Corporation Japan yang berstatus bumiputera.
- Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2008 dan telah berkhidmat dengan pelanggan di Malaysia terutamanya dalam bidang minyak dan gas, pendidikan, petrokimia dan marin.
- Azbil-Yamatake telah berminat untuk menerima 5 orang perantis dari UTeM selama 2 bulan.
- Bagi penempatan perantis, mereka telah menginap bersama rakan kenalan dan saudara yang berdekatan.
- Elaun yang diberikan oleh pihak Azbil-Yamatake adalah sebanyak RM 500/bulan
- Pejabat syarikat ni adalah berlokasi di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur, namun para perantis perlu pergi ke lokasi pelanggan Azbil-Yamatake sekiranya diperlukan bagi menimba pengalaman yang berharga.
- Sejumlah lima (5) perantis menjalani program perantis di syarikat Azbil-Yamatake bagi tahun 2014.

- h) Secara keseluruhan, pihak industri memberi maklumbalas yang positif berkaitan pelajar Perantis terutama sekali kesungguhan dalam melaksanakan tugas dan dapat menyempurnakan tugas dalam tempoh masa yang diberikan.
- i) Pelajar sangat cekap dalam membuat rekabentuk menggunakan software AUTOCAD.
- j) Skop kerja yang diberikan kepada pelajar adalah berkaitan pengurusan projek, Sistem DCS (Distribution Control System) dan *Panel Drawing* menggunakan software AUTOCAD.



Perbincangan bersama pihak Azbil-Yamatake



Perantis di Azbil-Yamatake menjalani latihan di 'site' bersama-sama staf syarikat

iii. Program Perantis Bersama Silterra

- a) Pihak Jawatankuasa Perantis telah dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan proses pemilihan pelajar untuk menghadiri program persiapan pelajar ke dunia industri sebelum tamat pengajian.
- b) Sejumlah dua (2) orang perantis menjalani Program Perantis Bersama Silterra bagi tahun 2014.
- c) Pelajar yang menyertai Ansell merupakan pelajar tahun tiga yang membuat tajuk Projek Sarjana Muda (PSM) berkaitan dengan kilang Ansell.
- d) Maklum balas diterima dari pelajar positif di mana mereka meminati persekitaran kerja di Ansell.
- e) Maklum balas dari Ansell, pelajar mampu menjalankan kerja dengan baik.
- f) Ansell berminat untuk mengambil pelajar Perantis pada setiap tahun dan pelajar tahun tiga diberi keutamaan kerana mereka akan menjalankan PSM yang berkaitan dengan kilang Ansell.


Peranan *UTeM Career Connect (U2C)*: Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan UTeM

Mesyuarat Majlis Eksekutif yang bersidang pada 27 Jun 2013 telah meluluskan penubuhan *UTeM Career Connect (U2C)*. Fungsi unit ini bagi meningkatkan lagi usaha Universiti dalam membantu pelajar mendapatkan pendedahan awal sebelum menempuh dunia pekerjaan. Dengan adanya U2C diharapkan kebolehan-pasaran graduan (Graduate Employability) akan meningkat. Selain itu, U2C juga berperanan sebagai antara muka (interface) atau perantara UTeM dengan Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Industri dan Komuniti. seperti Talent Corp, Might Meteor, SL1M dan Job Malaysia bagi membolehkan mahasiswa mendapatkan pekerjaan sesuai dengan bidang dan kelayakan akademik yang diperoleh.

Di antara program yang telah dijalankan di bawah UTeM U2C ialah:

- i) Program “Kem Kerjaya UTeM 2014” yang telah diadakan pada 22 hingga 26 September 2014 di Kampus Induk UTeM
- ii) Program “Sector Focused Career Fair” melalui kerjasama dengan Talent Corp
- iii) Infineon Week 2014

9.0 Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Prasarana



Pembangunan Kampus Induk


Sehingga tahun 2014, secara keseluruhannya peratusan gunatanah bagi Kampus Induk UTeM dianggarkan berjumlah 48.3% di mana jumlah keluasan pembangunan sediaada berjumlah 340 ekar daripada keluasan Kampus Induk UTeM yang berkeluasan 725 ekar. Pencapaian pembangunan ini adalah bersandarkan kepada Pelan Induk Universiti.

Peruntukan Pembangunan (Development Expenditure, DE)

Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10)

Pelan pelaksanaan RMK-10 telah dilaksanakan secara berfasa di mana agihan peruntukan di buat secara tahunan (Rolling Plan). Secara keseluruhannya, UTeM telah mendapat sokongan yang baik daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan pembangunan akademik dan fizikal UTeM tidak terjejas seterusnya membantu UTeM untuk mencapai misi menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.


Pecahan agihan peruntukan (berdasarkan Rolling Plan, RP) yang telah diperaku oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) adalah seperti berikut:



Rajah 10: Pecahan Peruntukan RMK-10

Prestasi Perbelanjaan

Prestasi kewangan (DE) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambilkira peruntukan yang disalurkan bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh iaitu bermula tahun 2010 hingga tahun 2014. Prestasi kewangan (DE) sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:



Rajah 11: Prestasi Kewangan (DE)

Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative, PFI)


Cadangan Pembangunan Projek Asrama Pelajar 5,000 Orang

Pelaksanaan Pembangunan Asrama 5,000 Pelajar Secara PFI di Kampus Induk UTeM telah menaikkan peratus pencapaian *Key Performance Indicator (KPI)* pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menetapkan bahawa setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu menyediakan penginapan pelajar di dalam Kampus berdasarkan 70% daripada jumlah keseluruhan pelajar.

Berikut adalah perincian projek:

- Syarikat : Naluri Etika Sdn. Bhd.
- Tempoh Konsesi : 22.5 tahun (2.5 tahun tempoh pembinaan; 20 tahun tempoh pajakan)
- Keluasan Tapak : 18 ekar
- Keluasan Binaan : 75,276 m²

- a) Kolej Kediaman Pelajar 10 tingkat sebanyak 5 blok (termasuk pejabat pentadbiran asrama)
- b) 5 unit kediaman Pengetua Asrama
- c) 10 unit kediaman Felo
- d) 1 unit Kafeteria 1,000 orang
- e) Kemudahan Gelanggang Sukan:
 - i) Gelanggang Futsal
 - ii) Gelanggang Multipurpose (tanpa peralatan/kelengkapan sukan)
 - iii) Gelanggang Bola Tampar
 - iv) Gelanggang Bola Keranjang
- f) Kerja-kerja Infrastruktur Sokongan



Rajah 12: Pelan struktur dan Model Projek Asrama Pelajar 5,000 Orang

10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori

Gedung Ilmu dan Institusi Repositori

Perpustakaan UTeM beroperasi pada setiap hari di Kampus Induk, Durian Tunggal dengan sokongan dua (2) lagi Perpustakaan Cawangan yang ditempatkan di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah dan Perpustakaan Cawangan di Kampus Teknologi, Ayer Keroh.

Dengan mengutamakan piagam pelanggan iaitu berjanji dan beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan mengutamakan kepuasan pelanggan. Dalam proses pengauditan oleh pihak SIRIM pada 23 hingga 24 Julai 2014 Perpustakaan telah berjaya melalui proses pensijilan semula MS ISO 9001:2008 dari pihak SIRIM dengan membuat penambahan skop pendaftaran bagi Perpustakaan Cawangan di Kampus Teknologi Ayer Keroh.

PEMBANGUNAN KOLEKSI

Semua judul-judul bahan rujukan yang dipesan oleh pihak perpustakaan adalah merupakan bahan rujukan yang telah dicadangkan oleh staf akademik. Dengan merujuk kepada Jadual 1, peruntukkan pembelian buku yang telah diberikan pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM700,000.00** jika dibandingkan pada tahun 2013 adalah sebanyak **RM1,000,000.00**.

Jadual 34: Peruntukan Pembangunan Koleksi 2014

Perkara	(RM)
Buku	RM 700,000.00
Jurnal & Pangkalan Data	RM 3,078,000.00
Jumlah Peruntukan	RM 3,778,000.00

Keseluruhan 100% peruntukkan ini telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah perolehan bahan rujukan sebanyak **3,112 judul dengan 3,177 naskah**. Terdapat lebih perbelanjaan sebanyak 2% iaitu RM15,314.16 dengan menggunakan peruntukkan yang sedia ada bagi memenuhi keperluan segera staf akademik untuk tujuan pengajaran pembelajaran dan penyelidikan.

a) Bahan Bercetak, Bahan Bukan Bercetak & Langganan Pangkalan Data

Pada tahun 2014, Perpustakaan UTeM telah memperolehi 7,363 judul/ 10,570 naskah yang diperolehi melalui pembelian, hadiah dan sumbangan daripada pelbagai agensi kerajaan serta swasta.

17 judul pangkalan data yang telah dibuat pembaharuan dengan menggunakan peruntukkan sebanyak RM1,609,339.79. Perbelanjaan ini menunjukkan kenaikan sebanyak 14.5% iaitu RM203,492.48 jika dibandingkan pada tahun 2013 adalah RM1,405,847.31 sahaja. Dalam masa yang sama, Perpustakaan UTeM telah menamatkan langganan pangkalan data British Standard Online Library (BSOL) berikutan statistik penggunaan yang berkurangan sejak tiga tahun berturut-turut (2011-2013). Namun begitu, perpustakaan telah membuat penambahan satu (1) judul langganan pangkalan data baru iaitu pangkalan data ASME Online Journals. Keseluruhan judul pangkalan data adalah sebanyak 30 judul termasuk pangkalan data yang dilanggan oleh pihak Kementerian dan ada yang diperolehi secara percuma. Jadual 2 menunjukkan senarai langganan Pangkalan Data bagi tahun 2014.


Jadual 35: Langganan Pangkalan Data 2014

BIL.	JUDUL	PEMBEKAL	STATUS LANGGANAN
International Database			
1	ACM Digital Library	Access Dunia	Langganan UTeM
2	ASME Online Journals	Access Dunia	
3	Begell House	Access Dunia	
4	Ebrary Academic Complete	Access Dunia	
5	Emerald Management Extra Plus	Emerald	
6	Engineering Village (EV)	Elsevier	
7	EngNetBase	Access Dunia	
8	IEEE Xplore	IEEE/United Tech	
9	Institute Of Physics Journal (IOP)	Access Dunia	
10	Knovel	United Tech	
11	McGraw-Hill's Access Engineering	McGraw Hill	
12	ScienceDirect	Elsevier	
13	Serials Solutions Summon*	Access Dunia	
14	SIAM (Society for Industrial and Applied Mathematics)	Access Dunia	
15	Turnitin Plagiarism Prevention Module (PPM)	Apex Knowledge	
16	WilsonWeb (Ebsco)	EBSCO	Langganan Kementerian Pendidikan
17	ASTM Digital Library	United Tech	
18	Ebscho (Business Source Complete and Academic Premier)	EBSCO	
19	ProQuest Dissertation & Theses-Fulltext	PROQUEST	
20	Scopus	Elsevier	
21	NetLibrary (Ebscho)	EBSCO	Open Access
22	Directory of Open Access Journals (DOAJ)		
23	Akademik Jurnal		Sekali pembelian sahaja
24	Morgan & Claypool Publisher	Access Dunia	
25	McGraw-Hill's eBook Library	McGraw Hill	
Local Database			
1	Malaysian Standard (MS) Online System + SIRIM Membership		Langganan UTeM
2	SIRIMLINK	SIRIM	
3	NSTP e-Media		
4	SIRIM Technical Library		
5	Bernamea Library & infolink Service (BLIS)	BLIS	Langganan Kementerian Pendidikan

b) Pengimejan dan Memuatnaik UTeM IR dan Ez-Proxy

i) UTeM IR

Perpustakaan telah mempergiatkan usaha dalam kerja pendigitalan bahan koleksi khas UTeM. Sebanyak 751 judul bahan terbitan UTeM telah diimbas berbanding 989 judul pada tahun 2013 dan hanya 525 judul bahan dapat dimuatnaik ke dalam UTeM IR berbanding 711 judul pada tahun 2013.




*Jumlah bilangan mengikut judul

Rajah 13 : Perbandingan Jumlah Aktiviti Pengimejan dan Memuatnaik Bahan UTeM IR Tahun 2013 dan 2014

ii) Ez-Proxy

976 judul kertas peperiksaan fakulti telah diimbas berbanding 430 judul pada tahun 2013. Manakala sebanyak 640 judul bahan telah berjaya dimuatnaik pada tahun 2014 berbanding 641 judul pada tahun 2013.



*Jumlah bilangan mengikut judul

Rajah 14 : Perbandingan Jumlah Aktiviti Pengimejan dan Memuatnaik Bahan Ez-Proxy Tahun 2013 dan 2014

c) Repositori Institusi UTeM (UTeM IR)

Perpustakaan bertanggungjawab memastikan semua bahan penerbitan UTeM dapat dikumpulkan dan seterusnya melaporkan jumlah muatnaik bahan ke dalam Sistem Repositori Institusi UTeM. Format maklumat yang dibuat muatnaik adalah mengikut standard dan dasar yang telah pun diluluskan di peringkat Jawatankuasa Repositori dan Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan dan Inovasi. Bagi mempergiatkan aktiviti memuatnaik rekod-rekod penerbitan universiti, perpustakaan telah melaksanakan **Latihan Pemantapan Repositori Institusi UTeM** merentasi fakulti di UTeM bermula pada bulan Januari - Februari 2014 diikuti dengan latihan ulangan pada bulan November 2014 khusus kepada editor di semua fakulti. Seterusnya, Perpustakaan UTeM telah melaksanakan **Bengkel Perancangan Strategik Pemerksaan Repositori Institusi (IR) UTeM** pada 19 hingga 21 Disember 2014 bertempat di Corus Paradise Resort, Port Dickson. Sejumlah 2,664 judul bahan yang terdiri daripada pelbagai jenis telah berjaya dimuatnaik ke UTeM IR sepanjang tahun 2014.

PERKHIDMATAN

Pihak pengurusan perpustakaan dari masa ke semasa telah memperkenalkan beberapa inisiatif perkhidmatan baru yang hendak disediakan kepada golongan sasaran dalam menyokong kecemerlangan pengajaran pembelajaran dan penyelidikan di UTeM. Di antaranya adalah semakan kelayakan pinjaman, 'order n collect', anugerah peminjaman dan sebagainya yang telah dilaksanakan. Perkhidmatan-perkhidmatan baru ini boleh diakses melalui Portal Perpustakaan UTeM (<http://library.utem.edu.my>) seperti di bawah:-

a) 'Order n Collect'

Dilaksanakan secara berperingkat bermula pada Julai 2014 khusus kepada staf akademik dan pelajar pasca siswazah. Pengguna boleh memohon bahan yang berada di rak buku dengan mengemukakan senarai buku yang dikehendaki melalui email atau telefon di Kaunter Sirkulasi. Bahan rujukan yang diperlukan akan dituntut oleh pihak pengguna bagi tujuan peminjaman. Perpustakaan turut menyediakan penghantaran bahan pinjaman ke bilik pengurusan tertinggi Universiti, Dekan dan Timbalan Dekan fakulti.

b) Anugerah Peminjam Tertinggi Kategori Pelajar

Mula dilaksanakan pada Januari 2014 sebagai penghargaan oleh pihak Perpustakaan UTeM kepada pelajar yang membuat pinjaman bahan Perpustakaan yang paling tinggi pada setiap bulan. Pelajar diberikan baucar kafetaria sumbangan staf sebagai usaha menggalakkan pelajar mengunjungi kafetaria 'Mimiloma' dan juga sebagai sokongan dari pihak perpustakaan untuk terus menggalakkan pelajar untuk terus meminjam bahan di Perpustakaan.

c) Semakan Semula Had Kelayakan Pinjaman Bahan Perpustakaan

Dilaksanakan bermula 17 Februari 2014, bagi memantapkan perkhidmatan pinjaman seiring dengan keperluan semasa para pengguna yang ingin meminjam bahan dalam skala yang lebih besar bagi tujuan

rujukan. Had kelayakan pinjaman bahan Perpustakaan yang baharu membenarkan pengguna meminjam naskah bahan rujukan lebih banyak dan tempoh masa pinjaman lebih lama mengikut kategori pengguna.

d) Peminjaman Jurnal Terkini Isu Retrospektif (Majalah Popular)

Menyedari keperluan rujukan oleh pengguna yang semakin meningkat, Perpustakaan telah membenarkan jurnal terkini bagi isu retrospektif dipinjam mulai Mei 2014. Sejumlah 20 bahan isu retrospektif (jurnal/majalah) popular telah dijadikan perintis bagi tujuan ini. Perpustakaan UTeM juga adalah merupakan Perpustakaan IPTA pertama di Malaysia yang membenarkan peminjaman jurnal terkini.

e) Peminjaman Ipad (Perkhidmatan baru)

Perkhidmatan peminjaman dan pemulangan iPad telah diperkenalkan pada Januari 2014. Sejumlah 3 unit iPad telah disediakan di Kampus Induk dan 1 unit iPad di Perpustakaan Kampus Bandar dan Kampus Teknologi.

f) Kemudahan LCD Projektor di Bilik Perbincangan Kampus Induk

Perpustakaan telah menaiktaraf 4 bilik perbincangan di Kampus Induk dengan menyediakan kemudahan LCD projektor dan layar putih untuk kemudahan pengguna bagi tujuan perbincangan secara berkumpulan. Disamping itu, Perpustakaan dari masa turut menyediakan perkhidmatan lain kepada pengguna seperti berikut:

i) Pinjaman dan Pemulangan Bahan

Jumlah pinjaman bahan bagi tahun 2014 meningkat sebanyak 295 naskah (7.46%) iaitu berjumlah 27,445 naskah berbanding 27,150 naskah pada tahun 2013. Pelbagai kaedah telah diaplikasikan untuk memastikan kadar pinjaman terus meningkat iaitu dengan memperkenalkan perkhidmatan 'order n collect' serta pemberian insentif bagi kategori 'Peminjam Tertinggi Bulanan'.

ii) Pogram Pendidikan Pengguna (PPP)

Program Pendidikan Pengguna adalah merupakan program bimbingan khusus bagi memperkenalkan pengguna kepada perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan. Terdapat 4 modul yang disediakan iaitu:

- i) Pangkalan Data Atas Talian
- ii) WebOPAC dan Akaun Pengguna
- iii) Turnitin
- iv) Portal Perpustakaan, Kemudahan dan Perkhidmatan

85 kelas Program Pendidikan Pengguna telah dijalankan dengan kerjasama staf akademik dengan kehadiran **1,434 pelajar pelbagai kategori**. Daripada jumlah tersebut, **kelas wajib hadir** adalah untuk kategori **GRA/RA/SRA** berjumlah **43 kelas** dengan kehadiran 201 orang. Turut diadakan 42 kelas PPP kepada staf akademik, pelajar pasca siswazah, siswazah dan peserta kursus dengan jumlah kehadiran seramai 1,233 orang. Peningkatan 80% kepada jumlah peserta 797 orang pada 2013 kepada 1,434 orang pada 2014.

c) Sistem Perbekalan Penerbitan (SPP)

Perkhidmatan ini bertujuan membantu pengguna memperoleh bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTeM melalui kerjasama antara Perpustakaan lain sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM. Perpustakaan UTeM juga turut menerima permohonan daripada Perpustakaan IPTA/IPTS lain bagi meminjam bahan yang terdapat dalam koleksi. Secara keseluruhannya, permohonan buku meningkat dan 95% dapat dipenuhi manakala permohonan artikel hanya dapat dipenuhi sebanyak 58% kerana kebanyakan permohonan melibatkan artikel yang tiada dalam langganan Perpustakaan UTeM.

d) Meja Penasihat pengguna (MPP)

Pada tahun 2014, MPP telah menerima sejumlah **1,304** soalan dan pertanyaan rujukan berbanding **987** soalan dan pertanyaan pada tahun 2013. Peningkatan jumlah ini menunjukkan peranan MPP semakin penting dan menjadi rujukan utama ketika pengguna hadir ke Perpustakaan.

e) Promosi

Pada Februari 2014, Perpustakaan telah membuka akaun **Info Perpustakaan** yang menggunakan laluan emel di Info UTeM untuk sebaran informasi di kalangan staf dan pelajar. Sebanyak **33 makluman** telah dibuat yang merangkumi 28 perkara mengenai perkhidmatan dan kemudahan manakala 5 perkara mengenai Festival Membaca 2014. Facebook merupakan laman sosial yang paling digemari oleh pengguna. Facebook Perpustakaan telah mempunyai **2,461 likes**. Melalui facebook, Perpustakaan UTeM telah **mempromosi sebanyak 127** status untuk **makluman perkhidmatan dan kemudahan** serta **83 status untuk mempromosi Festival Membaca 2014**.

f) Pameran

Aktiviti pameran diadakan bagi tujuan memberi kesedaran maklumat semasa serta mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan kepada warga UTeM. Selain itu, Perpustakaan juga turut mengadakan pameran semasa dengan kerjasama agensi luar. Pada tahun 2014, Bahagian Rujukan telah meningkatkan jumlah pameran kepada 34 kali berbanding 25 kali pada tahun 2013.

g) Aktiviti Tayangan

Sepanjang tahun 2014, Perpustakaan telah melaksanakan tiga kategori aktiviti tayangan iaitu tayangan filem (20 tayangan), tayangan akademik (1 tayangan) dan tayangan ilmiah (19 tayangan). Jumlah kesemua tayangan adalah 35 kali.

Jadual 36: Aktiviti Khidmat Masyarakat 2014

Tarikh	Aktiviti	Organisasi
28 Januari 2014	Perasmian Program Nilam	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang
22 April 2014	Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat UTeM	Kerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
26 April 2014	Program Literasi Pusat Sumber	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang
23 Julai 2014	Program Ihya' Ramadan	Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz



Program Transformasi Pusat Sumber- Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang



Program Jom Baca Bersama 10 Minit –Kerjasama dengan PERPUSTAM

PENGGUNA

Sehingga Disember 2014, Perpustakaan UTeM telah mempunyai 12,953 orang ahli Perpustakaan aktif yang terdiri daripada 837 orang pelajar Diploma, 9,125 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, 710 orang pelajar Ijazah Sarjana, 250 orang pelajar Ijazah Kedoktoran, 1,129 orang staf Pentadbiran, 820 orang staf akademik, 9 orang Jurutera Pengajar, 21 orang Pembantu Penyelidik, 38 orang Peserta Kursus dan 9 orang Alumni. Perpustakaan juga telah mendaftar 47 orang keahlian luar.

Sepanjang tahun 2014, Perpustakaan telah menerima kunjungan 167,736 orang pengunjung fizikal, berkurangan sebanyak 5,751 (3.42%) berbanding 173,487 orang pada tahun 2013. Manakala kunjungan maya pula, sejumlah **285,039** hits direkodkan pada 2014. Jumlah ini telah meningkat sebanyak **7.46%** berbanding kunjungan maya pada tahun 2013 yang berjumlah **265,246** hits. Sejumlah 96 staf dan 545 pelajar dari 17 institusi telah melawat Perpustakaan.

PENYELIDIKAN

Perpustakaan telah dipertanggungjawabkan untuk melaporkan jumlah penerbitan oleh staf akademik UTeM melalui beberapa pangkalan data sitasi seperti *Web of Science* dan *Scopus* di mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan dan Inovasi pada setiap bulan. Sepanjang tahun 2014, sejumlah 136 penerbitan telah dihasilkan dalam *Web of Science* menjadikan jumlah kumulatif penerbitan dari tahun 2010-2014 berjumlah 581 penerbitan. Manakala sejumlah 428 penerbitan telah dihasilkan dalam *Scopus* menjadikan jumlah kumulatif penerbitan dari tahun 2010-2014 berjumlah 1,459 penerbitan.

Dengan inisiatif untuk perkongsian hasil penyelidikan, perpustakaan telah memperkenalkan sistem 'open source-E-Prints' sebagai perisian repositori bagi memastikan semua hasil penyelidikan dan penerbitan di kalangan warga universiti dapat dikumpulkan dan seterusnya diakses bagi tujuan rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Perpustakaan dengan kerjasama di kalangan ahli PERPUN telah memperkenalkan Repositori Institusi (IR) UTeM dengan mengguna pakai sistem *E-Print* di peringkat awalnya pada penghujung tahun 2012 bagi membolehkan semua hasil penulisan dan penerbitan warga UTeM dapat dimuatnaik dan seterusnya hasil penerbitan tersebut dapat diakses secara atas talian oleh pengguna pada bila-bila masa. Seterusnya menyumbang kepada *ranking Webometrics* di peringkat antarabangsa. Sepanjang tahun 2014 sejumlah 2,664 judul bahan telah dimuatnaik ke IR-UTeM menjadikan keseluruhan bahan berjumlah 3,741 judul.

AKTIVITI

Perpustakaan juga telah mengadakan beberapa kursus dan aktiviti yang melibatkan pengguna, staf dan pihak luar seperti di bawah:

Jadual 37: Kursus dan Aktiviti 2014

Tarikh	Aktiviti	Penyertaan	Fasilitator /Urusetia
13 Februari 2014	Kursus Budaya Kerja Cemerlang: 'Jom Ubah'	Staf Jabatan Pengurusan & Perkhidmatan Maklumat	Pustakawan Jabatan Pengurusan & Perkhidmatan maklumat
21 – 22 April 2014	Kursus Asas Fotografi dan Asas Penyuntingan Video	Staf & pelajar UTeM/Pelbagai agensi & organisasi	Perpustakaan UTeM dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Negeri Melaka
24 Jun 2014	Kursus Retreat Perkhidmatan & Kemudahan Perpustakaan	Pembantu Perpustakaan Setiap Jabatan/Bahagian/ Unit	Pustakawan Jabatan Pengurusan & Perkhidmatan maklumat
20 Oktober 2014 - 7 Januari 2015	Festival Membaca 2014 "Cintai ilmu Memperkayakan Pengetahuan"	Pelajar & Staf UTeM/Pelajar Sekolah Rendah & Menengah	Semua Staf Perpustakaan



Sekitar Kursus Budaya Kerja Cemerlang "Jom Ubah" – 13 Februari 2014



Sekitar Kursus Asas Fotografi dan Asas Penyuntingan Video



Sekitar Kursus Retreat Kemudahan Perkhidmatan & Kemudahan Perpustakaan 24 Jun 2014



Majlis Penutup Festival Membaca 2014 "Cintai ilmu Memperkayakan Pengetahuan" 20 Oktober 2014 - 7 Januari 2015

11.0 Pengurusan Infostruktur dan Infrastruktur ICT



Pengurusan Infostruktur dan Infrastruktur ICT 2014

Persekitaran Tanpa Kertas (Paperless Environment)

Sepanjang tahun 2014, pelbagai pembangunan baru dan penyelenggaraan ke atas modul-modul sistem maklumat telah dijalankan selaras dengan kehendak dan keperluan penggunaan sistem yang semakin penting dan signifikan. Pengautomasian ini membantu dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan tugas harian. Projek ICT yang telah dirancang dan dilaksanakan merangkumi kemudahan infostruktur dan infrastruktur ICT bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta pentadbiran universiti.

Pencapaian Utama Infostruktur ICT 2014

1. Pelancaran Portal i@UTeM	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan versi baru portal UTeM bagi akses ke Sistem Maklumat Utama Universiti menggunakan kaedah Single Sign On. • Lebih interaktif dengan penambahan fungsi notification, info staf (hari lahir, ulangtahun perkahwinan dan tarikh kelahiran anak).
2. Johan KIK Kategori Teknikal (i-Reg)	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pendaftaran Pelajar Baru (i-Reg) telah menjadi johan KIK UTeM 2014 bagi Kategori Teknikal.
3. Perlaksanaan Modul Kohort SMP	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan penawaran dan pendaftaran metapelajaran mengikut kohort pelajar. • Memudahkan semakan di peringkat pengurusan akademik dan pelajar.
4. UTeM Open Journal Online	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan sistem penerbitan jurnal dan website ilmiah secara online dan paperless. • Dibangunkan bagi menggalakkan proses penerbitan journal di UTeM dilakukan secara online.
5. Sistem Maklumat Fasilitas	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Laporan Kerosakan bagi Pejabat Pembangunan. • Helpdesk bagi aduan kerosakan PC (Pusat Komputer).
6. Bayaran Insentif Penerbitan Jurnal Online	<ul style="list-style-type: none"> • Modul ini memberi kemudahan kepada penyelidik untuk memohon bayaran ke atas penerbitan yang telah dihasilkan pada sepanjang tahun secara online.
7. Perlaksanaan Modul Pendaftaran dan Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan keseluruhan proses pendahuluan (diri dan pelbagai) dan tuntutan (dalam negara dan luar negara) bermula dari permohonan pendahuluan dan permohonan tuntutan secara atas talian sehingga proses pembayaran dan semakan status.

Rajah 15: Pencapaian Utama Infostruktur ICT 2014

PORTAL i@UTeM

Portal i@UTeM merupakan versi baru portal UTeM dengan menonjolkan ciri-ciri yang lebih mesra pengguna, segar dan interaktif beserta dengan ciri-ciri keselamatan dan standard kualiti yang telah ditetapkan. Portal i@UTeM merupakan gerbang utama bagi staf UTeM mengakses Sistem Maklumat Utama Universiti dengan menggunakan konsep **Single Sign On**.

Kelebihan

- a) Fungsi **Notifikasi** bagi memudahkan pengguna melakukan proses tindakan sokongan dan kelulusan berdasarkan modul-modul dan sistem-sistem yang digunakan dengan ikon yang menarik.
- b) Fungsi **Info** bagi memaparkan maklumat asas pengguna dan tarikh-tarikh penting seperti tarikh ulangtahun kelahiran, ulangtahun perkahwinan dan tarikh kelahiran anak yang menjadikan nostalgia dan kenangan manis dapat dikongsi bersama.
- c) **Mudah & Pantas**
Capaian kepada semua sistem aplikasi utama yang lebih mudah melalui satu skrin utama yang mesra pengguna.
- d) **Pop-Up Info**
Memaparkan maklumat asas semua sistem aplikasi secara interaktif kepada pengguna tanpa perlu mengingat semua fungsi yang ada dalam sistem.



Rajah 16: Portal i@UTeM
(Single Sign On)



Rajah 17: Portal i@UTeM
(Menu Utama)

Johan KIK – Sistem Pendaftaran Pintar Pelajar Baharu (i-Reg)

Sistem Pendaftaran Pintar Pelajar Baharu atau i-Reg merupakan kesinambungan daripada projek Perintis Pusat Komputer bagi menambahbaik sistem asal Pendaftaran Pelajar Baru.

Sistem i-Reg ini telah ditambahbaik dengan menambah fungsi **memuatnaik gambar pelajar, penjaan nombor matrik** beserta **nombor kumpulan MHS** semasa pelajar membuat proses setuju terima secara *online*. Penambahan fungsi ini sekaligus memendekkan proses pendaftaran dari 6 kaunter berkomputer kepada 3 kaunter sahaja dan berjaya memendekkan masa pendaftaran dari 29 minit kepada 4 minit sahaja. Sistem ini telah berjaya dinobatkan sebagai **Johan** bagi Kategori Teknikal semasa pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat universiti yang telah berlangsung pada 11 Dis 2014 di Dewan Besar, UTeM. Dengan kemenangan ini, Sistem ini telah layak mewakili UTeM ke konvensyen KIK peringkat IPTA yang akan diadakan di USIM pada 14 hingga 16 April 2015.

Sistem Kaunter

UTeM Pendaftaran Pelajar Baru
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KANTER AKADEMIK

MUNIRA ATHIRAH BINTI AMZAH
950430145082
B031410236

BITS-IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN

Maklumat Tambahan
 SALINAN SPM & STPM Matrikulasi Diploma

Kaunter Akademik

UTeM Pendaftaran Pelajar Baru
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KANTER BENDAHARI

MUNIRA ATHIRAH BINTI AMZAH
B031410236

BITS-IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN

Jumlah Yuran RM: 2,120.00
Jumlah Bayaran RM: 2120
Baki RM: 0.00

No. Bilan	Kod Yur.	Yuran (RM)	Jam Di
1	Yuran Pendaftaran	33125	25.00
2	Yuran Minggu Malahan Siswa	95102	226.00
3	Yuran Aktiviti, Khasiat Pelajar	95101	30.00
4	Yuran Pengiraan	93103	504.00
5	Yuran Pendaftaran-UTeM	93102	140.00
6	Bantuan Kad Pintar	93107	50.00
7	Yuran K-Kejuruteraan	93106	200.00
8	Yuran Pelajaran	93101	900.00
9	Yuran-Klause	95103	100.00

Jumlah Diterima RM: 2,120.00

Kaunter Bendahari

UTeM Pendaftaran Pelajar Baru
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KANTER ASRAMA

07/11/2014

Kaunter asrama



Ahli Kumpulan KIK Beserta Hadiah Kemenangan

Perlaksanaan Modul Kohot Untuk Kurikulum Pelajar (SMP)


Modul ini dibangunkan supaya kurikulum setiap kohort didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan memudahkan urusan penawaran semakan penawaran dan pendaftaran matapelajaran serta mengurangkan masalah semakan berkaitan kurikulum pelajar.

Pendaftaran kurikulum ini akan memberikan kesan langsung kepada rekod pendaftaran matapelajaran pelajar yang akan menyumbang terus kepada keputusan peperiksaan dan kedudukan akademik terutamanya di akhir pengajian mereka samada mereka layak bergraduasi atau tidak.

Pendaftaran kurikulum ini juga memberikan kemudahan kepada pelajar, Penasihat Akademik dan Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) untuk melihat struktur kurikulum secara spesifik kepada setiap pelajar yang mana ianya boleh memantau pendaftaran yang telah dibuat ataupun yang akan dibuat pada masa akan datang.

The screenshot displays the 'PENDAFTARAN KURIKULUM' (Curriculum Registration) interface. At the top, there are several dropdown menus for selecting the cohort and course details. Below this is a table with columns for 'No', 'Nama', and various course codes (e.g., BIP01, BIP02, BIP03, BIP04, BIP05, BIP06, BIP07, BIP08, BIP09, BIP10, BIP11, BIP12, BIP13, BIP14, BIP15, BIP16, BIP17, BIP18, BIP19, BIP20). Each row represents a course offering with checkboxes for registration status.

Rajah 18: Skrin Pendaftaran Kurikulum Setiap Kohort



Rajah 19: Skrin Penawaran Setiap Mata pelajaran




Rajah 20: Skrin Pendaftaran Mata pelajaran Pelajar

Perlaksanaan UTeM Open Journal System

UTeM *Open Journal System* telah dibangunkan bermula Mac 2014. Pembangunan ini telah dilaksanakan bersama-sama Jawatankuasa **Journal of Advanced Manufacturing Engineering (JAMT)** dan Profesor Madya Dr. Burairah Bin Hussin FTMK.

UTeM Open Journal System merupakan sistem penerbitan jurnal dan *website* ilmiah secara *online* dan *paperless*. *UTeM Open Journal System* meliputi semua aspek penerbitan jurnal *online*, dari pembuatan *website* jurnal hingga tugas operasi seperti proses penyerahan oleh penulis, *peer review*, pengeditan, penerbitan, *archives* dan indeks jurnal. *Open Journal System* juga membantu pengaturan aspek pengguna dalam menyusun sebuah jurnal, termasuk menyimpan *track* hasil kerja *editor*, *reviewer* dan penulis.

UTeM Open Journal System dibangunkan bagi menggalakkan proses penerbitan jurnal di UTeM dilakukan secara *online*. Semua jurnal UTeM iaitu *Journal of Advanced Manufacturing Technology (JAMT)*, *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering (JTEC)*, *Journal of Mechanical Engineering and Technology (JMET)*, *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, *Journal of Technology Management and Technopreneurship (JTMT)* dan *Journal of Engineering and Technology (JET)* telah ditempatkan berpusat di bawah url <http://journal.utem.edu.my>. Sehingga kini, *Journal of Advanced Manufacturing Engineering (JAMT)* telah menggunakan sistem ini sepenuhnya dan akan digunakan sepenuhnya oleh jurnal yang lain bermula tahun 2015.



Rajah 21: Skrin Utama UTeM Open Journal System

Sistem Maklumat Fasilitas (SMF)

Sistem Maklumat Fasilitas (SMF) adalah bertujuan memberi kemudahan kepada warga UTeM dalam mengurus, menyelenggara dan memohon sesebuah fasilitas yang ditawarkan dari PTj yang bertanggungjawab menguruskan fasilitas-fasilitas tersebut. Pada masa sekarang, Sistem Maklumat Fasilitas (SMF) ini mengandungi modul Aduan Kerosakan dan modul Telepresence.

Modul Aduan Kerosakan digunakan oleh staf UTeM bagi merekodkan aduan kerosakan fasilitas yang diuruskan oleh Pejabat Pembangunan dan aduan kerosakan berkaitan teknologi maklumat yang diuruskan oleh Pusat Komputer. Maklumat aduan akan digunakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk meneliti, menyemak dan melaksanakan tindakan berdasarkan aduan yang direkodkan.


Manakala modul e-Telepresence digunakan oleh staf bagi membuat permohonan penggunaan Telepresence yang diuruskan oleh Pusat Komputer. Modul ini merangkumi permohonan Telepresence, Sokongan Permohonan oleh PTj dan Kelulusan diperingkat Pusat Komputer.

Berikut adalah kelebihan dan fungsi Sistem Maklumat Fasilitas (SMF):

- Sistem adalah mesra pengguna di mana staf UTeM boleh memasukkan aduan kerosakan sendiri di dalam portal SMF.
- Konsep sistem ini adalah Web base.
- Kemudahan kepada warga UTeM dalam membuat aduan kerosakan fasilitas.
- Menguruskan aduan kerosakan fasilitas lebih lengkap dan komprehensif.
- Tindakan terhadap aduan lebih sistematik, efisien, tanpa kertas dan boleh dicapai dengan mudah.
- Pelapor kerosakan akan menerima emel pengesahan setelah juruteknik selesai membuat kerja-kerja penyelenggaraan.



Rajah 22: Skrin Utama Sistem Maklumat Fasilitas (SMF)



Rajah 23: Skrin Menu Aduan

Perlaksanaan Modul Bayaran Insentif Penerbitan Jurnal *Online*

Modul ini memberi kemudahan kepada penyelidik untuk memohon bayaran ke atas penerbitan yang telah dihasilkan pada sepanjang tahun. Permohonan akan dibuka pada awal tahun untuk penyelidik menuntut penerbitan yang telah dihasilkan sepanjang tempoh satu (1) tahun semasa permohonan dibuat. Terdapat kriteria-kriteria dan syarat-syarat tertentu bayaran berdasarkan jenis penerbitan yang telah ditetapkan mengikut garis panduan universiti.


Kesemua maklumat penerbitan adalah diambil dari sistem *e-print* dan perlu disahkan terlebih dahulu dalam *University Research Information System* (URIS) bagi membolehkan ianya dipaparkan di skrin permohonan jurnal. Pengesahan adalah untuk memastikan maklumat yang dimasukkan di dalam *University Research Information System* (URIS) adalah lengkap bagi tujuan permohonan insentif dan juga bagi kegunaan lain di dalam *University Research Information System* (URIS).

Perlaksanaan Modul Pendahuluan dan Tuntutan

Modul Pendahuluan dan Tuntutan disediakan bagi melaksanakan keseluruhan proses pendahuluan (diri dan pelbagai) dan tuntutan (dalam negara dan luar negara) bermula dari permohonan pendahuluan dan permohonan tuntutan secara atas talian sehingga proses penerimaan permohonan oleh Pejabat Bendahari. Modul ini berintegrasi dengan Modul Pembayaran untuk proses pembayaran kepada staf mengikut kelayakan staf yang sepatutnya. Pemohon juga dapat melihat status permohonan dari semasa ke semasa. Modul ini juga disediakan dalam dua persekitaran iaitu *client* dan *web base*.



Rajah 26: Skrin Permohonan Pendahuluan Perjalanan Diri



Rajah 27: Skrin Penerimaan Permohonan Oleh Pejabat Bendahari

Pencapaian Utama Infrastruktur ICT 2014

Antara pencapaian Infrastruktur ICT yang berupaya meningkatkan kemudahan ICT secara keseluruhan kepada pengguna adalah:-

1. Pelaksanaan *Server Technology Refresh* di Pusat Data Pusat Komputer, UTeM.
2. Pertambahan Kawasan Liputan Wifi Universiti Untuk Pelajar
3. Perkongsian Ilmu Dan Maklumat


Perlaksanaan *Server Technology Refresh* Di Pusat Data Pusat Komputer, UTeM

Server Technology Refresh adalah satu inisiatif untuk menambahbaik dan menaiktaraf infrastruktur Pusat Data sedia ada dengan pembelian beberapa perkakasan dan perisian baru bagi menggantikan perkakasan sedia ada yang sudah menjangkau usia lebih daripada 5 tahun. Ini bagi menampung keperluan dan permintaan hasil daripada penambahan jumlah pelajar dan staf serta penambahan sistem-sistem baru di UTeM. Selain itu, perkakasan sedia ada sudah tidak mempunyai alat ganti dan kos penyelenggaraan juga terlalu tinggi berbanding dengan pembelian perkakasan baru. Ia juga dapat mengelakkan berlakunya kekerapan gangguan capaian kepada sistem-sistem utama akibat kegagalan daripada perkakasan yang sudah lama.


Perlaksanaan *Server Technology Refresh* di Pusat Data Pusat Komputer, UTeM bermula pada bulan April 2014 dengan mengemukakan kertas cadangan kepada Pengurusan Tertinggi UTeM. Proses pelaksanaan bermula pada bulan Oktober hingga Disember 2014. Berikut adalah komponen-komponen yang terlibat dalam projek ini :

- a) Pembelian 10 unit server baru
- b) Menaiktaraf 4 unit server sedia ada
- c) Penambahan perisian *Server Virtualization* dan *Cloud*
- d) Pengukuhan keselamatan dalam persekitaran *Server Virtualization*
- e) Penambahan kapasiti storan
- f) Perlaksanaan *Load Balancer* untuk aplikasi utama

Hasil daripada pelaksanaan ini, unjuran penggunaan kapasiti dan keupayaan fasiliti ialah dalam jangka masa 4-5 tahun mendatang, untuk menyokong aktiviti dan proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan serta urusan pentadbiran.



Rajah 28: Konsep Penstrukturkan Server Virtualization



Rajah 29: Pengukuhan Keselamatan Server Virtualization




Rajah 30: Konsep Load Balance Ke Atas Sistem Aplikasi Utama

Pertambahan Kawasan Liputan Wifi Universiti Untuk Pelajar

Sesungguhnya pertambahan kawasan liputan wifi adalah memberi kesan yang besar dalam menyediakan kemudahan capaian ke internet kepada pelajar dalam menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Kaedah pembelajaran masa kini yang menggunakan teknologi ICT dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta memberikan pengalaman baru kepada pelajar dalam menuntut ilmu. Oleh itu banyak sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran dalam format atas talian telah di bangunan seperti *e-learning*, *e-library*, portal pelajar, emel dan sistem aplikasi dalaman boleh dicapai melalui kemudahan internet.


Jadual 38 menunjukkan peningkatan kawasan liputan wifi daripada 16.5% pada tahun 2013 kepada 57.25% pada tahun 2014, yang mencatatkan peningkatan hampir 40% di kesemua kampus UTeM berdasarkan taburan 300 unit *Access Point (AP)* yang telah siap dipasang dan berfungsi sepenuhnya.

Jadual 38: Pertambahan Bilangan Access Point (AP) Di 4 Lokasi




Lokasi	Tahun 2013 (Bilangan AP)	Tahun 2014 (Bilangan AP)	Jumlah
Kampus Induk	55	212	267
Kampus Teknologi	9	50	59
Kampus Bandar	9	47	56
Bangunan Makmal Fasa B	4	7	11

Dengan menggunakan perisian Cisco Prime, jelas menunjukkan kawasan liputan rangkaian tanpa wayar di lokasi sesuatu bangunan. Sebagai contoh, rajah 31 menunjukkan kawasan liputan rangkaian tanpa wayar di dalam Masjid Saidina Abu Bakar manakala dibawah pula menunjukkan kawasan liputan dibahagian luar perkarangan masjid.



Rajah 31: Kawasan Liputan Wifi Di Dalam Masjid



Rajah 32: Kawasan Liputan Wifi Di Luar Masjid

Perkongsian Ilmu dan Maklumat

Pusat Komputer telah pun dikunjungi oleh beberapa institusi pengajian tinggi yang lain, dalam aktiviti perkongsian pengetahuan dan pengalaman amalan terbaik yang boleh diamalkan bersama. Pusat Data, Pusat Komputer merupakan salah satu Pusat Data yang menggunakan teknologi terkini dan sering menjadi rujukan pihak-pihak berkenaan dalam usaha membangunkan Pusat Data mereka sendiri. Begitu juga dengan sistem aplikasi utama universiti, ianya telah dibangunkan secara dalaman dan sering menjadi rujukan oleh pihak luar.

Jadual 39: Lawatan dari pihak luar pada tahun 2014

Bil.	Nama Organisasi	Tujuan	Tarik Lawatan
1.	Kolej Teknologi Darulnaim	Lawatan pelajar bagi berkenaan sistem informasi tentang subjek MIS dari Kolej Teknologi Darulnaim	30 Januari 2014
2.	Universiti Sains Malaysia (USM)	Lawatan kerja dari USM	12 Februari 2014
3.	Universiti Malaysia Serawak (UNIMAS)	Lawatan kerja dari UNIMAS tentang penanda aras sistem pengurusan penyelidikan di UTeM	9 April 2014
4.	Politeknik Melaka	Lawatan penanda aras ke Pusat Komputer dari Politeknik Melaka	12 Jun 2014
5.	UnisZA	Lawatan kerja dari UnisZA	14 November 2014

12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Alumni



Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerksaan Alumni


Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) mempunyai visi “Menerajui Pembangunan Holistik Pelajar Yang Kreatif dan Inovatif” dan misi “Melahirkan Graduan Yang Bersahsiah Murni, Berketrampilan Dan Berdaya Saing Melalui Program Pembangunan Pelajar Yang Holistik, Perkhidmatan Yang Efektif dan Persekitaran Yang Kondusif”. Berpandu kepada Nilai Teras HEP iaitu “Berkonsentrasi kepada Pelanggan, Integriti, Kerja Berpasukan, Inovasi dan Profesionalism” perkhidmatan yang terbaik wajar diberikan kepada pelajar UTeM.

Penyediaan Kolej Kediaman/asrama penginapan yang selesa dan kondusif kepada pelajar yang dilengkapi WIFI dan kemudahan lain amat dititikberatkan oleh UTeM. Dengan terbinanya Kolej Kediaman Lestari di dalam kampus yang dilengkapi WIFI, kafeteria, kedai runcit, kemudahan bersukan dan beriadah serta ruang bilik yang luas (2 orang sebilik) mampu untuk melahirkan pelajar yang holistik.


Disamping itu Pengurusan Bantuan Kewangan/Kebajikan kepada pelajar mampu memberi ketenangan jiwa dalam mengharungi kehidupan di kampus dan dunia luar daripada keluarga tersayang dengan adanya Pinjaman Pendidikan, Basiswa dan Dermasiswa hasil kerjasama pintar HEP dan UTeM dengan agensi kerajaan dan swasta.

Sepanjang tahun 2014 Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah melaksanakan sejumlah 206 aktiviti pelajar merangkumi lapan (8) teras PSPTN (Daya Usaha & Inovasi, Pengucapan Awam, Kepimpinan, Sukan, Kebudayaan, Keusahawanan, Khidmat Komuniti dan Kesukarelawan) yang melibatkan 18,445 orang peserta (pelajar dan orang luar). Aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan oleh pelajar melalui persatuan/kelab/sekretariat yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama berbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak industri) atau komuniti setempat.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan berpersatuan berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan organisasi, berkomunikasi, kepimpinan dan jati diri bagi membentuk pelajar yang holistik, seimbang akademik dan kokurikulum dan boleh bersaing serta menempatkan diri diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.



Rajah 33 – Perbandingan Bilangan Aktiviti Mengikut Bulan Bagi Tahun 2012, 2013 dan 2014



Rajah 34 – Bilangan Peserta/Pelajar Mengikut

Program Keusahawanan

Dalam usaha membudayakan aspek keusahawanan dikalangan mahasiswa UTeM, beberapa aktiviti dilaksanakan seperti menyertai *Program Training of Trainers - Ekonomi Malaysia : Tranformasi dan Cabaran Untuk Pelajar Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia Bersama Warga Belia*, *Program National Young Entrepreneurs Summit 2014*, *Konvensyen Keusahawanan & Inovasi IPT 2014*, *Karnival Road to MAHA*, *Program Seminar Francais Siswa KPDNK* dan *Persidangan Techcycle E-Summit 2014*. Aktiviti keusahawanan disemarakkan dengan adanya infrastruktur bagi pembangunan program keusahawanan mahasiswa seperti *Permatang Pelajar (Student Mall)*, penyediaan lot niaga di *Arked Kolej Kediaman* dan semasa *Konvo Fest*. Pewujudan *Unimall* menyemarakkan lagi program keusahawanan di UTeM yang merupakan platform kepada pelajar untuk mengusahakan perniagaan secara *online*. Mahasiswa UTeM juga aktif dalam penyertaan pertandingan keusahawanan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti *Karnival Jualan* dan program *Weekend Bazaar*. Antara aktiviti yang dilaksanakan bagi membudayakan program keusahawanan adalah *Karnival Kerjaya dan Keusahawanan*, *Program 3K* dan *Karnival Jualan IT*.

Kecemerlangan Sukan

Pelajar UTeM mempamerkan kecemerlangan terbaik dalam pertandingan sukan yang disertai sama ada di peringkat kebangsaan, Negeri ataupun IPT. Antara pencapaian sepanjang 2014:

1. Dua (2) Perak dan Tiga (3) Gangsa bagi acara Petangue, Taekwando, Tenpin Boling dan Pencak Silat dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014.
2. UTeM telah menyertai Karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014 Fasa 1, Fasa 2 dan Sukan Air serta telah memperolehi 1 Emas, 1 Perak, 9 Gangsa.
3. Memperolehi satu (1) Perak bagi Kejohanan Pencak Silat dan satu (1) Perak bagi Kejohanan Petanque Piala IPT Grandfinale dalam Kejohanan IPT Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. UTeM merupakan sebagai urus setia kejohanan dan menyertai Karnival SIPTMA.
5. UTeM telah memperolehi dua (2) Emas bagi Futsal (L) dan Bola Jaring, dua (2) Perak bagi Ragbi 10's, Bola Sepak 9's serta empat (4) Gangsa bagi Badminton Bergu (W), Futsal (W), Bola Tampar (W), Tenpin Boling Trio.
6. UTeM telah menganjurkan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2014 kali ke 9 bagi melahirkan atlet UTeM yang sihat dan bersahsiah murni. Kejohanan ini telah disertai oleh 2,500 orang pelajar daripada tujuh (7) buah Fakulti.



Program Kemasyarakatan

Mahasiswa UTeM turut melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan menyampaikan sumbangan wang, peralatan, tenaga dan menyemai bakti di pelbagai program kemasyarakatan seperti program Gotong Royong Surau Asy Syakirin Taman Merbok Sempena Sambutan Maulidur Rasul Bersama Anak Yatim Dan Mahasiswa IPT 2014, Perkampungan Warna-Warni Belia Malaysia Peringkat Kebangsaan 2014, Program Bakti Siswa. Mahasiswa UTeM bukan sahaja menjalankan program peringkat kebangsaan, namun sehingga ke peringkat Asia Tenggara dengan melaksanakan program Khidmat Komuniti Dua Negara dan Silang Budaya UTeM Dengan Universitas Karimun, Rumah Anak-Anak Yatim Panti Asuhan Provensi Kepulauan Riau Sempena Syawal 2014.

Lawatan Ilmiah/Kepimpinan Ke Luar Negara

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan program Lawatan Ke Seoul, Korea pada 11 hingga 16 Januari 2014 dalam meningkatkan aspek kepimpinan dan merapatkan hubungan serumpun dikalangan pelajar serta membina jalinan ke peringkat antarabangsa.

Seramai lapan (8) orang pelajar UTeM juga telah menyertai program Program *Japan East Asia Network of Exchange for Student & Youth (Jenesys)* pada 23 Februari 2014 hingga 4 Mac 2014 di Jepun. Ia merupakan program berunsur akademik di samping pendedahan kepada budaya dan gaya hidup masyarakat Jepun yang terkenal dengan jati diri yang tinggi.



Aspek psikologi memainkan peranan yang penting dalam membina sahsiah pelajar dan membantu meningkatkan pencapaian akademik. Sehubungan dengan itu, HEP melalui Unit Kaunseling Pelajar telah menjalankan pelbagai program bagi mendekati dan membimbing pelajar.

Antara program berbentuk ceramah yang telah dianjurkan adalah Program Pencegahan Zina: Cinta Pakai Buang..Syok Ke? pada 8 Mac 2014, program Manisnya Menjadi Remaja pada 1 November 2014 dan Program Survival Towards 1st Class pada 8 November 2014. Objektif program berbentuk ceramah ini dianjurkan adalah untuk mengembangkan minda pelajar dalam memperkasakan informasi dan maklumat yang tepat mengenai gaya hidup yang tidak sihat dan pengaruh-pengaruh rakan sebaya, pihak luar serta media sosial agar peserta mampu melakukan perbuatan yang baik dan memperoleh maklumat dan mengetahui teknik belajar yang lebih tepat.

Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar

Pada setiap tahun, pelajar/ individu dan kelab/persatuan yang telah mencapai tahap kecemerlangan yang membanggakan, diberi pengiktirafan dengan penganugerahan di Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar.

Sebanyak 10 kategori telah dipertandingkan dan sembilan (9) kategori anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) sempena Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar yang telah diadakan pada 30 April 2014 seperti berikut:

1. Anugerah Kebudayaan (Individu & Kumpulan)
2. Anugerah Kemasyarakatan/ Kesukarelawan (Individu & Kumpulan)
3. Anugerah Keusahawanan (Individu & Kumpulan)
4. Anugerah Kolej Kediaman Terbaik (Kumpulan)
5. Anugerah Persatuan Fakulti Terbaik (Kumpulan)
6. Anugerah Kelab/Persatuan/Sekretariat Terbaik/ Badan Beruniform (Kumpulan)
7. Anugerah Khas Juri (Kumpulan)
8. Anugerah Inovasi (Kumpulan)
9. Anugerah Kepimpinan (Individu)
10. Anugerah Pelajar Gemilang (Individu) – Tiada penerima

13.0 Pengurusan Bakat Manusia

Pengurusan Sumber Manusia

Waran & Pengisian

Sehingga 31 Disember 2014, jumlah waran yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak 1986 jawatan yang merangkumi empat (4) jawatan Pengurusan Utama, 889 jawatan Akademik, 185 jawatan Pentadbiran (Pengurusan & Profesional) dan selebihnya sebanyak 908 jawatan Pentadbiran (Pelaksana). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2063 jawatan telah diisi secara tetap, kontrak dan sementara. Jadual 38 di bawah menunjukkan waran dan pengisian bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

Jadual 40: Waran dan perjawatan sehingga 31 Disember 2014

KUMPULAN STAF	WARAN		PENGISIAN	
	TETAP	KONTRAK	SEMENTARA	
Pengurusan Utama	4	4	-	-
Akademik	889	835	45	8
Pengurusan & Profesional	185	177	12	-
Pelaksana	908	887	95	-
JUMLAH KESELURUHAN	1986	1903	152	8

Pengisian Perjawatan Tahun 2014

Bagi pengisian jawatan akademik dan pentadbiran, Universiti telah menjalankan pengisian jawatan kepada calon-calon tempatan dan antarabangsa yang berkelayakan sehingga Disember 2014 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 40 dan Jadual 41.

Jadual 41: Jumlah Pengisian Jawatan Akademik 2014

Bil.	Pengisian Jawatan Akademik	Jumlah
1.	Lantikan Baru (Tetap)	35 orang
2.	Lantikan Baru (Kontrak)	6 orang
3.	Pertukaran Skim	15 orang
4.	Naik Pangkat	43 orang
	JUMLAH KESELURUHAN	115 orang

Jadual 42: Jumlah Pengisian Jawatan Pentadbiran 2014

Bil.	Pengisian Jawatan Pentadbiran	Jumlah
1.	Lantikan Baru (Tetap)	32 orang
2.	Lantikan Baru (Kontrak)	52 orang
3.	Kenaikan Pangkat	45 orang
JUMLAH KESELURUHAN		129 orang

Peratusan Staf Berkelayakan Doktor Falsafah (Ph.D)

Seramai 260 Pensyarah yang berkhidmat di Universiti adalah berkelayakan Doktor Falsafah (Ph.D) dan menjadikan peratusan Pensyarah berkelayakan Doktor Falsafah (Ph.D) meningkat daripada 29.55% pada 2013 ke 32.06% pada 2014. Pelbagai inisiatif diusahakan bagi memastikan peratusan ini meningkat dari semasa ke semasa untuk mancapai hasrat MyBrain 15 yang mensasarkan seramai 60,000 pemegang Doktor Falsafah (Ph.D) dan setaraf menjelang tahun 2023 selaras dengan agenda “Malaysia sebagai Pusat kepada Perkembangan Pengetahuan dan Inovasi”. Jadual 43 dibawah menunjukkan pecahan Pensyarah berkelayakan Doktor Falsafah (Ph.d) di Universiti ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

Jadual 43: Peratusan Pensyarah berkelayakan Ph.D Tahun 2014

IPTA	BILANGAN PENGISIAN SEMASA							PERATUS PHD ATAU SETARAF#	
	PENSYARAH DENGAN PHD (tidak termasuk kontrak)	PENSYARAH KONTRAK DENGAN PHD			PENSYARAH DENGAN SARJANA KEPAKARAN ATAU SETARAF	PENSYARAH KONTRAK TANPA PHD	PENSYARAH TANPA PHD		JUMLAH PENGISIAN
		Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah (b)					
UTeM	235	8	17	25		20	531	811	32.06

Pembangunan Sumber Manusia

Latihan dan Pembangunan Kompetensi Staf

Jadual 44: Bilangan Staf Mengikuti Latihan Tahun 2014

GRED/ KUMPULAN	BILANGAN STAF	KURSUS JANGKA PENDEK			KURSUS JANGKA PANJANG > 3 BULAN
		<7 HARI	>7 HARI	TIDAK BERKURSUS	
JUSA	21	15	5	1	0
PENGURUSAN & PROFESSIONAL	850	764	68	18	
PELAKSANA	971	810	158	3	0
JUMLAH	1842	1589	231	22	198
Peratus (%)		86.26%	12.54%	1.19%	10.75%

Program Pembangunan Kepimpinan Universiti

A) Program Perintis

Program PERINTIS telah dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR). Berbeza dengan program PINTAR yang dilaksanakan bagi mengajak para peserta untuk memantapkan kefahaman kepada misi dan visi Universiti, program PERINTIS dirangka modulnya untuk menterjemahkan secara langsung kepada peserta langkah-langkah strategik yang perlu di ambil bagi menuju keunggulan Universiti. Pada tahun 2013, program PERINTIS telah dijalankan sebanyak empat (4) kali yang melibatkan 4 Pusat Tanggungjawab dan 422 orang staf. Kesemua program telah diadakan di Pusat Ko-Kurikulum, Kampus Induk UTeM.

Jadual 45: Pelaksanaan program PERINTIS Tahun 2014

BIL	PESERTA (PTJ)	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	FTK	21-24 Mac 2014	142
2.	FTMK	4-7 April 2014	109
3.	FKEKK	16-18 Mei 2014	111
4.	Perpustakaan	19-21 Sept 2014	60
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA			422

B) Membentuk Budaya Membimbing di UTeM


Selain dari program PINTAR dan PERINTIS, UTeM juga memberikan tumpuan yang serius dalam pembangunan kepemimpinan universiti melalui program Membentuk Budaya Membimbing di UTeM kepada pemimpin pelapis masa depan universiti. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk :

1. Meningkatkan kefahaman tentang membimbing sebagai salah satu gaya kepemimpinan bagi membangunkan potensi pelapis kepemimpinan UTeM;
2. Mengaplikasi teknik membimbing dalam penyelesaian masalah, merancang tugas dan peranan, memberi maklum balas, dialog, mengenal pasti punca masalah, mengelola komunikasi yang efektif dan lain-lain keperluan dalam membangunkan pelapis kepemimpinan;
3. Mengukuhkan hubungan *coach-coachee* bagi meningkatkan kepercayaan, keyakinan dan kredibiliti.

Jadual 46: Pelaksanaan Program Membentuk Budaya Membimbing di UTeM Tahun 2014

BIL	PESERTA (PTJ)	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	Kumpulan Kepimpinan	Pelapis 14 Mac 2014	30

C) Program AKEPT



Rajah 35: Laporan Kehadiran Program AKEPT Tahun 2014

Pengesahan Perkhidmatan Staf

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan beberapa siri Program UTeM Terbilang (merangkumi Program Orientasi Staf Baru, Aku Janji serta Pengenalan Universiti) dan Program Transformasi Minda yang melibatkan semua kumpulan dan gred jawatan bagi membolehkan staf menepati syarat-syarat sebelum layak disahkan dalam perkhidmatan. Berikut adalah statistik penganjuran kursus tersebut:

Jadual 47: Program UTeM Terbilang Bagi Tahun 2014

Bil	Tarikh	Pelaksana	Pengurusan & Profesional		Jumlah Peserta Keseluruhan
			Akademik	Bukan Akademik	
1	Bil. 1/2014 [21 - 27 Feb 2014]	29	33	13	75
2	Bil. 2/2014 [24 - 30 Okt 2014]	7	25	8	40

Jadual 48 : Program Transformasi Minda Tahun 2014

Bil. & Tarikh	Pengurusan & Profesional			Jumlah Peserta
	Akademik	Pentadbiran (P&P)	Sokongan	
Bil. 1/2014 [25 - 29 Mac 2014]	22	1	26	49
Bil. 2/2014 [25 - 29 Ogos 2014]	9	11	2	22

Jadual 49 : Bilangan Staf Disahkan ke Dalam Perkhidmatan Tahun 2014

Bil & Tarikh Mesyuarat	Jumlah Staf yang disahkan	Status Pengesahan dalam Perkhidmatan			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Bil. 1/2014 [14 Mac 2014]	72	17	51	4	0
Bil. 2/2014 [12 Jun 2014]	71	19	47	5	0

Cuti Belajar

Staf aktif cuti belajar sehingga 31 Disember 2014

Sehingga 31 Disember 2014, seramai 191 orang staf akademik, 9 orang Felo dan 4 orang bagi staf bukan akademik sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana. Jumlah ini meliputi pengajian di dalam negara dan luar negara. Keseluruhan jumlah cuti belajar bagi staf akademik, felo dan staf bukan akademik sehingga 31 Disember 2014 adalah 204 orang.

Jadual 50 : Bilangan Staf aktif akademik cuti belajar sehingga 31 Disember 2014 mengikut negara

NEGARA	PHD 2014	SARJANA 2014
MALAYSIA	84	8
DENMARK	1	0
JEPUN	37	0
NEW ZEALAND	4	0
PERANCIS	1	0
SWEDEN	1	0
UNITED KINGDOM	33	2
AUSTRALIA	8	1
AMERIKA SYARIKAT	4	0
GERMAN	1	1
NORWAY	1	0
NETHERLAND	4	0
JUMLAH	179	12

Jadual 51 : Bilangan staf akademik aktif cuti belajar sehingga 31 Disember 2014 mengikut fakulti

FAKULTI	PHD 2014		SARJANA 2014	
	DN	LN	DN	LN
FKE	12	21	0	0
FKEKK	17	19	0	0
FKM	22	23	0	0
FKP	8	16	0	0
FPTT	2	8	0	0
PBPI	8	0	0	0
FTMK	9	7	0	0
FTK	6	1	8	4
JUMLAH	84	95	8	4

Jadual 52 : Bilangan felo yang ditawarkan kepada orang awam yang aktif cuti belajar sehingga 31 Disember 2014 mengikut negara

NEGARA	PHD 2014
MALAYSIA	14
NEW ZEALAND	1
UNITED KINGDOM	4
JEPUN	1
JUMLAH	20

Jadual 53 : Bilangan Skim Felo yang aktif pada tahun 2014 mengikut fakulti

FAKULTI	DOKTOR FALSAFAH		JUMLAH
	DN	LN	
FKE	1	0	1
FKEKK	3	0	3
FKM	1	1	2
FKP	0	0	0
FPTT	2	1	3
PBPI	0	0	0
FTMK	4	2	6
FTK	3	2	
JUMLAH	14	6	20

Jadual 54 : Bilangan staf bukan akademik yang aktif cuti belajar sehingga 31 Disember 2014 mengikut negara dibawah tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) & lain-lain

NEGARA	DOKTOR FALSAFAH 2014	SARJANA 2014	SARJANA MUDA
MALAYSIA	0	2	1
UNITED KINGDOM	1	0	0
JUMLAH	1	2	1

Jadual 55 : Bilangan staf bukan akademik yang aktif cuti belajar pada tahun 2014 mengikut pusat tanggungjawab dibawah tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan lain-lain

PTJ	DOKTOR FALSAFAH 2014		SARJANA 2014		SARJANA MUDA 2014	
	DN	LN	LN	DN	LN	LN
PEJABAT PENDAFTAR	0	0	0	1	0	0
PEJABAT PEMBANGUNAN	0	1	0	1	0	0
PUSAT KOMPUTER	0	0	0	0	1	0
JUMLAH	0	1	0	2	1	0

Jumlah Penghantaran Staf Cuti Belajar Bagi Tahun 2014

Pada tahun 2014, Seramai 50 orang staf akademik telah dihantar melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan enam (6) orang staf akademik di peringkat Sarjana.

Jadual 56 : Bilangan Staf Akademik melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana pada tahun 2014 mengikut negara

NEGARA	DOKTOR FALSAFAH 2014	SARJANA 2014
MALAYSIA	22	5
NETHERLAND	4	0
JEPUN	15	0
NEW ZEALAND	1	0
UNITED KINGDOM	6	1
AUSTRALIA	2	0
JUMLAH	50	6

Jadual 57 : Bilangan Staf Akademik melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana pada tahun 2014 mengikut fakulti

FAKULTI	DOKTOR FALSAFAH 2014		JUMLAH	SARJANA 2014		JUMLAH
	DN	LN		DN	LN	
FKE	1	4	5	0	0	0
FKEKK	11	3	14	0	0	0
FKM	4	10	14	0	0	0
FKP	0	7	7	0	0	0
FPTT	0	3	3	0	0	0
PBPI	1	0	1	0	0	0
FTMK	2	0	2	0	0	0
FTK	3	1	4	5	1	6
JUMLAH	22	28	50	5	1	6

Jadual 58 : Bilangan Skim Felo yang ditawarkan kepada orang awam pada tahun 2014 mengikut negara

NEGARA	DOKTOR FALSAFAH 2014
MALAYSIA	5
UNITED KINGDOM	3
NEW ZEALAND	1
JUMLAH	9

Jadual 59 : Bilangan Skim Felo yang ditawarkan kepada orang awam pada tahun 2014 mengikut fakulti

FAKULTI	DOKTOR FALSAFAH 2014	
	DN	LN
FKE	1	0
FKM	1	0
FTMK	2	1
FTK	1	2
FPTT	0	1
JUMLAH	5	4

Jadual 60 : Bilangan staf bukan akademik yang ditawarkan cuti belajar pada tahun 2014 mengikut negara

NEGARA	SARJANA 2014
MALAYSIA	1
JUMLAH	1

Staf Lapor Diri Cuti Belajar dan berjaya 2014

Secara keseluruhan seramai 57 orang staf telah lapor diri di Bahagian Cuti Belajar sehingga 31 Disember 2014. Daripada jumlah tersebut seramai 44 orang telah lapor diri dari pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan 13 orang di peringkat Sarjana. Pada tahun 2014 seramai 32 staf telah berjaya diperingkat Doktor Falsafah (PhD) dan 12 orang telah berjaya di peringkat Sarjana.

Skim Sangkut Industri 2014

Skim Sangkut Industri adalah Program latihan industri yang dapat membantu merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal dan perkongsian pintar di antara Universiti dan industri. Justeru itu, kaedah pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan yang menepati kehendak pasaran dapat menambah nilai kepada staf yang berjaya menjalani latihan industri.

Pada tahun 2014, seramai 8 orang staf akademik yang telah diluluskan untuk menjalankan Skim Sangkut Industri.

Jadual 61 : Bilangan staf akademik yang diluluskan Skim Sangkut Industri pada Tahun 2014 mengikut fakulti

FAKULTI	BILANGAN
FKE	2
FKEKK	3
FKM	0
FKP	2
FPTT	0
PBPI	1
FTMK	0
FTK	0
JUMLAH	8

Jadual 62 : Bilangan staf yang mendapat status Jurutera Profesional (Ir.) pada Tahun 2014 mengikut fakulti

FAKULTI	BILANGAN
FKE	0
FKEKK	0
FKM	0
FKP	1
FPTT	0
PBPI	0
FTMK	0
FTK	2
JUMLAH	3

Pengurusan Organisasi

Pengurusan Mel Universiti

Penambahbaikan dalam urusan penghantaran dokumen pada 2014:

- Penghantaran dokumen secara pos laju dikurangkan dengan pengenalan penghantaran secara surat berdaftar.
- Bahagian Pengurusan Organisasi akan menyemak permohonan PTj sama ada sesuai secara pos laju atau kaedah lain.
- Penjimatan dari kos penghantaran kadar pos laju – RM5/- Kadar surat berdaftar – RM2.80
- Penambahbaikan proses kerja – tidak semua dokumen perlu dihantar secara pos laju
- Penjimatan masa pelanggan – penghantaran dokumen terus ke kolej kediaman, pelajar tidak perlu ke BPO.
- Penjimatan ruang dan waktu bekerja staf – menguatkuasakan penghantaran pos laju bagi urusan rasmi sahaja.

Dasar Dan Kualiti Pengurusan

Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT)

Pelaksanaan penilaian Prestasi UTeM adalah berdasarkan kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) UTeM serta Pekeliling Pentadbiran Universiti Bil. 47 Tahun 2013: Panduan Pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Bagi Tahun 2013 yang menggariskan panduan serta kaedah pelaksanaan penilaian prestasi.

Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) UTeM dianggotai oleh :-

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 : Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 : Pendaftar

Urus Setia : Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar

Jumlah Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2014 mengikut Pusat Tanggungjawab

Bilangan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2014 adalah berjumlah 162 orang seperti jadual di bawah.

Jadual 63 : Bilangan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2014

Bil.	Pusat Tanggungjawab	Bilangan Keseluruhan Staf	Jumlah Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
1	Pejabat Canselori	285	24
2	Pejabat Hal Ehwal Pelajar	107	9
3	Pejabat Pendaftar	109	9
4	Pejabat Bendahari	75	6
5	Pejabat Perpustakaan	70	6
6	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	164	13
7	Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	171	13
8	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	176	14
9	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	148	12
10	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	152	12
11	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	49	4

Bil.	Pusat Tanggungjawab	Bilangan Keseluruhan Staf	Jumlah Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
12	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	163	13
13	Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI)	84	7
14	Pejabat Pembangunan	107	9
15	Pusat Komputer	71	6
16	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA)	8	1
17	Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)	9	1
18	Pusat Pengajian Siswazah (PPS)	12	1
19	Penerbit Universiti	16	1
20	Pusat Islam	14	1
21	Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP)	1	0
22	Ketua Pusat Tanggungjawab		-
	JUMLAH KESELURUHAN	1991	162

Lawatan Naziran ke Badan Berkanun Persekutuan (Bbp) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima Lawatan Naziran daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 13 Februari 2014 yang bertujuan untuk:

- a) Meneliti aspek-aspek pengurusan UTeM
- b) Menilai prestasi program/projek pembangunan yang menerima peruntukan pembangunan
- c) Perbincangan mengenai penilaian outcome ke atas program/projek pembangunan yang telah dilaksanakan
- d) Menyemak pematuhan kepada pekeliling/surat pekeliling berkaitan.

Lawatan naziran telah dilaksanakan oleh Puan Mutazira binti Abdul Mubin, Timbalan Pengarah dan Puan Nur Dalila binti Rahmad, Penolong Pengarah dari Bahagian Badan Berkanun & Pembangunan Institusi, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Panel penilai telah bersetuju untuk memberikan skor kepada UTeM dengan menyatakan:

“Prestasi UTeM adalah cemerlang (*significantly exceed target*) dengan deskripsi tahap pencapaian $\geq 95\%$ ”.

Secara ringkasnya, laporan yang dikemukakan oleh pihak ICU kepada UTeM menerangkan bahawa UTeM perlu terus menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi bagi memberi faedah dan manfaat kepada masyarakat khususnya dan negara amnya. Selain itu, laporan tersebut turut menyarankan agar UTeM terus menempa kejayaan di peringkat tertinggi dalam pelbagai bidang yang dapat mengharumkan nama negara.

Pensijilan semula MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar

Pejabat Pendaftar telah dianugerahkan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 pada 12 Oktober 2014. Pensijilan tersebut adalah sah dalam tempoh masa 3 tahun iaitu berakhir pada 11 Oktober 2017.

MS ISO 900 adalah salah satu standard bertulis yang menetapkan dan menyenaraikan keperluan-keperluan asas yang perlu ada dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan keupayaan pihak pengurusan dalam membuat keputusan, mengawal input yang digunakan dalam proses kerja serta mengelakkan pembaziran dan meningkatkan produktiviti.

Pelaksanaan Audit Pensijilan Semula oleh Badan Pensijilan *Bureau Veritas Certification* (BVC) telah diadakan pada 15 dan 16 Julai 2014 bagi mendapatkan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar.

Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Bagi Tahun 2014

Pada tahun 2014 UTeM telah menerima beberapa lantikan baharu dan penyambungan semula Ahli Lembaga Pengarah. Berikut merupakan senarai bagi lantikan baharu dan lantikan semula sepanjang tahun 2014:

Jadual 64 : Lantikan baharu Ahli Lembaga Pengarah bagi Tahun 2014

A) LANTIKAN BAHARU AHLI LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2014					
Bil	Nama	Jawatan Di UTeM	Jawatan Rasmi	Kuota	Tempoh Lantikan
1	YB. Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar	Ahli Lembaga Pengarah	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	Setempat	1 September 2014 - 31 Ogos 2017
2	YBhg. Dato' Amir bin Md Noor	Ahli Lembaga Pengarah	Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia	Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia	1 Disember 2014 - 30 Disember 2017
3	YBhg. Datuk Ir. Haji Baharam Bin Mohd	Ahli Lembaga Pengarah	Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	Wakil Swasta	1 Januari 2014 - 31 Disember 2016
4	YBhg. Prof. Madya Dr. Ismi Arif bin Ismail	Ahli Silh Ganti Lembaga Pengarah	Timbalan Pengarah, Pusat Pembelajaran dan Pengajaran (AKEPT)	Ahli Silih Ganti Kementerian Pendidikan Malaysia	16 September 2014 - 15 September 2017

Jadual 65 : Lantikan Semula Ahli Lembaga Pengarah bagi Tahun 2014

B) LANTIKAN SEMULA AHLI LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2014					
Bil	Nama	Jawatan Di UTeM	Jawatan Rasmi	Kuota	Tempoh Lantikan
1	YBhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin	Pengerusi Lembaga Pengarah	Pengerusi, Erinco Sdn. Bhd.	Pengerusi Lembaga Pengarah	1 Jun 2014 - 31 Mei 2016
2	Y.Bhg. Datuk Dr. Haji Abdul Raman bin Haji Saad	Ahli Lembaga Pengarah	Managing Partner, Abdul Raman Saad & Associates	Wakil Sektor Swasta	15 Julai 2014 - 14 Julai 2016
3	Senator Tuan Zali bin Mat Yasin	Ahli Lembaga Pengarah	Senator	Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman	1 November 2014 - 31 Oktober 2017

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 2014, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak lima (5) kali dengan pembentangan 42 buah kertas kerja yang telah dibincangkan. Takwim Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

Jadual 66 : Senarai Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi Tahun 2014

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2014	26 Februari 2014
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2014	7 Mei 2014
3.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2014	10 Julai 2014
4.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2014	8 September 2014
5.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2014	7 November 2014

Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah bersidang sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2014. Sebanyak lapan (8) kertas cadangan telah dibincangkan di Mesyuarat MBJ sepanjang tahun 2014.

Jadual 67 : Senarai Mesyuarat MBJ bagi Tahun 2014

BIL.	PERKARA	TARIKH
1	Mesyuarat MBJ Bil. 1/2014	17 Mac 2014
2	Mesyuarat MBJ Bil. 2/2014	18 Julai 2014
3	Mesyuarat MBJ Bil. 3/2014	9 Julai 2014
4	Mesyuarat MBJ Bil. 4/2014	4 Julai 2014

Audit Kesediaan Autonomi UTeM

Penganugerahan Universiti berautonomi merupakan inisiatif penting demi membentuk dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Universiti secara mikro. Pelaksanaan autonomi yang berasaskan Kod Urus Tadbir Baik Universiti (*Code of University Good Governance (CUGG)*) dan Indeks Urus Tadbir Baik Universiti (*University Good Governance Index*) amat bertepatan dalam membentuk Universiti yang bermatlamat dan berstrategi.

Secara ringkasnya, berikut adalah senarai persiapan UTeM di dalam proses kesediaan autonomi bagi tujuan penganugerahan autonomi.

Jadual 68 : Aktiviti bagi Audit Kesediaan Autonomi

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	13 Ogos 2012	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Audit Kesediaan Autonomi Bil.1/2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM) telah memutuskan supaya semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu melalui proses Audit Kesediaan Autonomi.
2.	18 Jun 2013	Penerimaan surat dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mempelawa IPTA bagi kesediaan untuk untuk menjalani Audit Kesediaan Autonomi pada tahun 2014. Pihak pengurusan UTeM telah bersetuju menyatakan kesediaan menjalani Audit Kesediaan Autonomi pada tahun 2014.

BIL.	TARIKH	PERKARA
3.	16 Januari 2014	<p>UTeM menjalani sesi <i>'mock audit'</i> dengan menjemput auditor luar seramai 4 orang iaitu dari :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Universiti Kebangsaan Malaysia : <ul style="list-style-type: none"> • Profesor Dr. Che Husna Azhari • Encik Mokshin Hj Tumin • Encik Ahsan Ahmad Universiti Teknologi Malaysia : <ul style="list-style-type: none"> • Profesor Dr. Ahmad Kamal Idris
4.	14 hingga 16 Mei 2014	<p>UTeM menghadapi Audit Kesediaan Autonomi</p> <p>Empat (4) bidang yang diaudit adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tadbir Urus Institusi, ii. Kewangan iii. Sumber Manusia iv. Tadbir Urus Akademik <p>Auditor terdiri daripada wakil Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia dan pakar rujuk dari SIRIM Berhad, Synergy Lean Consulting dan Kolej Universiti SEGI.</p>
5.	4 November 2014	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Induk Antara Agensi bagi Pelaksanaan Autonomi di IPTA Bil.1/2014 memutuskan telah bersetuju untuk membenarkan UTeM melaksana autonomi dalam 4 bidang iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Governan Institusi ii. Kewangan dan Penjanaan Pendapatan iii. Sumber Manusia iv. Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar
6.	16 Januari 2015	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Induk Antara Agensi bagi pelaksanaan Autonomi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Bil. 1/2014 yang di pengkerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II telah bersetuju untuk membenarkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksana autonomi dalam empat (4) bidang iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Governan Institusi ii) Kewangan dan Penjanaan Pendapatan iii) Sumber Manusia iv) Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar

Kesejahteraan Personel

Motivasi Bulanan

Program Motivasi Bulanan dijalankan khas untuk staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai satu landasan perkongsian berkaitan motivasi dalam kehidupan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak sembilan (9) Program Motivasi Bulanan telah berjaya dijalankan.

Jadual 69 : Program Motivasi Bulanan Tahun 2014

Bil	TAJUK/TARIKH	PENCERAMAH	TEMPAT	PESERTA
1.	Seronoknya Bekerja (Motivasi Diri) 4 Mac 2014	Dr. Haji Ridzuan Bin Mohd Sagir	Auditorium Canselori	120
2.	Rileks Brother (Pengurusan Tekanan) 7 Mei 2014 1,2,3 Sayang Semuanya	En. Mohd Izuddin Bin Maskor	Auditorium Canselori	70
3.	(Hubungan Kekeluargaan) 20 Mei 2014	Ustaz Nizam Bin Ali	Auditorium Canselori	160
4.	Ramadan Datang Lagi 9 Julai 2014	Haji Jalaludin Bin Haji Mohd Nor	Auditorium Canselori	70
5.	Office War (Konflik Organisasi) 10 September 2014	Haji Jalaludin Bin Haji Mohd Nor	Auditorium Canselori	60
6.	Transforming Is Awesome (Motivasi Diri) 17 Oktober 2014	En. Muhammad Azwan Bin Rosli	Auditorium Canselori	45
7.	Kerja Sebagai Ibadah (Motivasi Kerja) 6 November 2014	En. Hanuar Bin Mohd Taib	Auditorium Canselori	50
8.	Dari Stress Ke Sukses (Motivasi Diri) 22 Disember 2014	En. Mohd Izuddin Bin Maskor	Auditorium Canselori	100
9.	Kerana Diriku Begitu Berharga (Motivasi Diri) 24 Disember 2014	En. Muhammad Azwan Bin Rosli	Auditorium Canselori	80

Bengkel

Sepanjang 2014, sebanyak dua (2) bengkel telah dilaksanakan iaitu dua (2) Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah. Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah (BPKB) atau dikenali sebagai 'POWER : Pengurusan Wang Ringgit Anda' merupakan satu kaedah bimbingan kewangan yang sistematik ke arah melahirkan staf tanpa kadar keberhutangan tinggi. Bengkel yang dijalankan setiap tahun ini mendidik peserta menguruskan kewangan dengan lebih teliti serta bijak.

Jadual 70 : Bengkel Sepanjang Tahun 2014

Bil	BENGKEL/TARIKH	PENCERAMAH	TEMPAT	PESERTA
1.	POWER Bil. 1/2014 16 April 2014	En. Mansor Bin Ali (AKPK Melaka)	Auditorium Canselori	70
2.	POWER Bil. 2/2014 13 September 2014	En. Raju A/L Periasamy (AKPK Melaka)	Auditorium Canselori	50

Ujian Psikometrik Perjawatan

Bagi tujuan saringan dan maklumat diri calon untuk Perjawatan Bukan Akademik, Perjawatan Akademik dan Temuduga Skim Fellow Universiti, Ujian Psikometrik dilaksanakan sebagai medium pengukuran aspek psikologi calon dengan menggunakan 2 jenis inventori. Inventori Personaliti Sidek / Inventori Personaliti Eysenck digunakan bagi mengukur personaliti diri calon serta kestabilan emosi manakala *Self-Directed Search* akan mengukur minat dan kecenderungan kerjaya calon. Sebanyak sembilan (9) ujian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014.

Jadual 71 : Ujian Psikometrik Perjawatan Sepanjang Tahun 2014

Bil	JAWATAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Pembantu Perpustakaan S17	7 Februari 2014	Auditorium Canselori
2.	Pembantu Perpustakaan S17	17 April 2014	Auditorium Canselori
3.	Setiausaha Pejabat N27	18 Julai 2014	Dewan Siber Pusat Komputer
4.	Jurutera Pengajar J41	11 Ogos 2014	Auditorium Canselor
5.	Pensyarah DS 45, Pensyarah Kanan DS51, Profesor Madya DS53	11 Ogos 2014	Auditorium Canselor
6.	Pembantu Tadbir N17	22 Ogos 2014	Dewan Siber Pusat Komputer
7.	Pembantu Belia dan Sukan S17	28 Ogos 2014	Dewan Pusat Sukan
8.	Pengawal Keselamatan KP11	28 Ogos 2014	Dewan Pusat Sukan
9.	Penolong Pegawai Keselamatan KP27	28 Ogos 2014	Dewan Pusat Sukan

Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan kaunseling merupakan suatu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi. Ia dijalankan secara berfasa bagi membantu perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang baik dan menyeluruh. Pertemuan adalah secara sukarela atau dirujuk dan berperingkat berlandaskan Etika Kaunseling dan terikat di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Ia bertujuan membantu individu seperti memberi maklumat, menggalakkan celik akal, memberi sokongan, menyelesaikan konflik dan membuat keputusan.

Objektif Kualiti : Menjalankan fungsi kaunseling dalam melahirkan staf yang stabil dari aspek emosi dan personaliti.

Bilangan Kes : 16 kes/klien

Sasaran 2014 : Memastikan perkhidmatan kaunseling yang diberikan mencapai purata mata 3.85.

Pencapaian 2014 : 4.726/5.000

LAPORAN TAHUNAN



2014

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

14.0 Laporan Kewangan dan Prestasi




Laporan Kewangan dan Prestasi

Keseluruhan

Pendapatan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM310.25 juta, menurun sebanyak RM42.99 juta (12.17%) berbanding RM353.24 juta bagi tahun 2013. Perbelanjaan UTeM bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM306.48 juta berbanding RM344.24 juta bagi tahun 2013, iaitu menurun sebanyak RM37.76 juta (10.97%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM untuk tempoh lima tahun adalah seperti rajah di bawah.




Rajah 36 : Pendapatan dan Perbelanjaan 2010 - 2014


Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM241.18 juta, meningkat sebanyak 5.38% berbanding RM228.88 juta bagi tahun 2013. Daripada jumlah ini, RM216.04 juta atau 89.57% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM25.14 juta (10.43%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.

Perbelanjaan mengurus tahun 2014 berjumlah RM247.55 juta iaitu meningkat sebanyak 8.82% berbanding RM227.50 juta bagi tahun 2013, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2014 bagi pembelian aset tetap dan kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM12.16 juta.



Rajah 37 : Perbandingan Pendapatan Mengurus Tahun 2013 dan 2014




Rajah 38 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2013 dan 2014


Kumpulan Wang Pembangunan

Peruntukan pembangunan tahun 2014 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM47.00 juta berbanding RM30.00 juta dalam tahun 2013, meningkat sebanyak 56.67%.

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2014 pula berjumlah RM29.18 juta berbanding RM93.55 juta bagi tahun 2013, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2014 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM29.88 juta



Rajah 39 : Perbandingan Pendapatan Pembangunan Tahun 2013 dan 2014



Rajah 40 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2013 dan 2014


Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan wang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Jumlah pendapatan penyelidikan bagi tahun 2014 berjumlah RM10.86 juta meningkat sebanyak 29.59% berbanding RM8.38 juta bagi tahun 2013.

Perbelanjaan penyelidikan tahun 2014 berjumlah RM9.52 juta iaitu meningkat sebanyak 36.25% berbanding RM6.99 juta bagi tahun 2013, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodakan dalam tahun 2014 bagi pembelian aset tetap berjumlah RM1.27 juta.



Rajah 41 : Perbandingan Pendapatan Penyelidikan Tahun 2013 dan 2014



Rajah 42 : Perbandingan Perbelanjaan Penyelidikan Tahun 2013 dan 2014

**LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI
TAHUN 2014 (TELAH DIAUDIT)**
SUMMARY OF FINANCIAL STATUS AND PERFORMANCE 2014 (AUDITED)

PERANGKAIAN KEWANGAN YANG PENTING IMPORTANT FINANCIAL STATISTICS	2014 (RM)	2013 (RM)	PERBEZAAN DIFFERENCE (%)
i. Pendapatan Mengurus / Operating Income			
- Pemberian Kerajaan / Government Grant	204,284,950	180,653,400	13.08
- Sumber Dalaman / Internal Sources	25,145,616	23,186,491	8.45
- Tambahan Geran / Additional Grant	11,753,266	25,035,145	(53.05)
	241,183,832	228,875,036	5.38
Pendapatan Pembangunan / Development Income			
- Pemberian Kerajaan / Government Grant	47,000,000	30,000,000	56.67
ii. Perbelanjaan / Expenditure			
a) Mengurus / Operating	(247,554,793)	(227,496,469)	8.82
b) Pembangunan / Development	(29,178,509)	(93,547,928)	(68.81)
	(276,733,302)	(321,044,397)	(13.80)
iii. Lebihan/(Kurangan) / Surplus/(Deficit)			
a) Mengurus / Operating	(6,370,961)	1,378,567	(562.14)
b) Pembangunan / Development	17,821,491	(63,547,928)	(128.04)
	11,450,530	(62,169,361)	(118.42)
iv. Lebihan Terkumpul / Accumulated Surplus			
a) Mengurus / Operating	78,130,389	89,401,438	(12.61)
b) Pembangunan / Development	494,779,178	477,232,721	3.68
	572,909,567	566,634,159	1.11
v. Aset Tetap / Fixed Assets	533,986,662	504,535,774	5.84
vi. Aset Semasa / Current Assets	232,835,162	197,952,098	17.62
vii. Tanggungan Semasa / Current Liabilities	19,716,698	11,769,260	67.53
viii. Tanggungan Jangka Panjang / Long Term Liabilities	6,343,388	5,950,811	6.60
ix. Aset Bersih / Net Assets	758,318,670	739,481,197	2.55
x. Modal Digunakan / Capital	751,975,282	733,540,386	2.51
xi. Penglibatan Modal / Capital Commitment			
- Kontrak diluluskan dan terikat Approved Contracts and Committed	19,617,633	23,928,588	(18.02)
- Kontrak diluluskan tetapi belum terikat Approved Contracts but not yet Committed	503,778	503,778	-
xii. Rizab Tunai / Cash Reserve			
- Simpanan Tetap / Fixed Deposit	181,000,000	156,000,000	16.03
- Wang di Bank / Cash at Bank	29,477,187	12,246,408	140.70
xiii. Nisbah Kewangan / Financial Ratios			
a) Aset Semasa/Tanggungan Semasa Currents Assets/Current Liabilities	11.81 : 1	18.82 : 1	
b) Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa Liquid Assets/Current Liabilities	10.69 : 1	14.54 : 1	
c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset Total Debt/Total Assets	0.03 : 1	0.02 : 1	
d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan Capital/Total Liabilities	28.86 : 1	41.40 : 1	
e) Modal Digunakan/Aset Tetap Capital/Yearly Assets	1.41 : 1	1.45 : 1	



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

